

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (NEGERI SEMBILAN)
PENGURUSAN KEWANGAN

KETUA PTJ :

YAMIN BIN YASIN

KETUA UNIT KUALITI :

NUR NADIA BINTI DZULKIFLI

PENYELARAS :

ASIAH BINTI ABDULLAH

PENULIS :

1. SARAH MARDHIAH BINTI SELAMAT
2. SITI HIDAYAH BINTI MUHAD SALEH
3. ASIAH BINTI ABDULLAH
4. WAN ELINA FARADILLA BINTI WAN KHALID
5. NORFAZLIKA BINTI ABD KARIM
6. NOR FADHLIN BINTI JAAFAR
7. NUR IDA ANIZA BINTI RUSLI

8. ZAINON BINTI ISMAIL
9. MAZNI BINTI MUSA
10. NURAIN BINTI AZIMAN
11. MUHAMMAD HAKIMI TEW BIN ABDULLAH
12. NORFARHANA BINTI ZULKIFLI
13. NADIAH DIYANA TAN BINTI ABDULLAH
14. MUHAMAD IZZAT BIN RAHIM
15. NOR AZLINA BT AZIZ FADZILLAH
16. SHARIFAH SHEHA BT SYED AZIZ BAFTIM
17. NORWATI BT HJ. ROSLIM
18. SITI 'AISHATUL-HUMAIRAH BT MUHAMMAD FISOL
19. HAZRIL SYAHMI BIN ABDUL HALIM
20. AHMAD SYAKIR SALMAN BIN SALLEH @ ABDUL LATIF
21. SUTINA BINTI JUNOS
22. SRI YUSMAWATI BINTI MOHD YUNUS
23. IRMA BINTI AHMAD
24. NIK MAHFUZAH BINTI NIK MAT
25. RAFIZAN BINTI ABDUL RAZAK
26. MOHAMAD SHAHRIMI BIN HASHIM
27. FAIKAH BINTI AWANG @ ISMAIL
28. ZAIDATULHUSNA BINTI MOHD ISNANI
29. KU NURUL ATIQA BINTI KU AHAMAD
30. MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
31. SUZANA BT BAHARUDIN
32. AIDA ROHA BINTI ABDUL RASID
33. CHE KU FARIHAH BINTI CHE KU ABDUL SATAR
34. NUR NADIA BINTI DZULKIFLI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) mempunyai pasukan kepimpinan kanan yang cekap dan dinamik, yang diterajui oleh seorang Rektor, dibantu oleh 3 orang Timbalan Rektor yang terdiri daripada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (TRHEA), Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TRHEP) dan Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (TRPJIM&A) serta 2 orang Penolong Rektor. Penolong Rektor memainkan peranan sebagai wakil kepimpinan kanan UiTMCNS di 2 kampus pembiayaan inisiatif swasta (PFI) iaitu di Seremban dan Rembau.

Bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 melalui Rancangan Malaysia Ke-11 yang memacu UiTM ke arah *Global Renowned University*, kepimpinan kanan UiTMCNS melalui gandingan ketiga-tiga kampus telah merangka perancangan dan menjayakan objektif dan inisiatif strategik melalui koordinasi keseluruhan gerak kerja kampus UiTMCNS. Ini adalah untuk memastikan keseluruhan kampus UiTMCNS bergerak selari dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan **pengurusan kewangan** melalui pengurusan aktiviti penjanaan pendapatan.

Slogan ***Choosing to be Different*** telah dicetuskan oleh YBhg. Rektor UiTMCNS dalam usaha menjayakan objektif dan inisiatif strategik yang di antaranya meliputi bidang tumpuan pengurusan kewangan. Cetusan idea ini adalah didorong oleh harapan Rektor terhadap warga UiTMCNS untuk menghasilkan sesuatu inovasi, mencipta kelainan serta pembaharuan bagi sesuatu gerak kerja. Ini kerana usaha ini dapat mempertingkatkan mutu, mencetuskan satu anjakan prestasi dan budaya kerja serta secara tidak langsung dapat mendorong UiTMCNS agar lebih terkehadapan.

Selain daripada cetusan slogan, satu lagi usaha yang telah dijalankan adalah dengan memberikan fokus kepada 2 kluster projek inisiatif utama penjanaan pendapatan iaitu **RENT@UiTMCNS** yang merangkumi Rent2U@Pilah, Rent2U@Seremban serta Rent2U@Rembau, dan **TRAIN@UiTMCNS**. Pada mulanya, terdapat hanya 1 projek inisiatif utama penjanaan pendapatan. Hasil daripada perbincangan Bengkel Pelan Tindakan Strategik UiTMCNS Tahun 2021 yang telah dianjurkan pada 21 Disember 2020 dan 6 Januari 2021, projek ini telah dibahagikan kepada 2 kluster. Perincian bagi kluster penjanaan pendapatan: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS akan diterangkan di bahagian KRITERIA 2: PERANCANGAN STRATEGIK. Secara dasarnya, objektif bagi 2 kluster projek inisiatif utama penjanaan pendapatan ini adalah untuk memanfaatkan kepakaran sumber manusia, aset dan sewaan di ketiga-tiga kampus UiTMCNS.

Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan dan Jawatankuasa Penyelidikan Negeri telah dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana utama bagi 2 kluster projek inisiatif utama penjanaan pendapatan ini. Manakala Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCNS bertanggungjawab untuk melaporkan kemajuan keseluruhan data penunjuk prestasi (PI) kepada kepimpinan kanan UiTMCNS. Usaha seterusnya adalah dengan menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pelaporan aktiviti ketika mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) diadakan.

Secara keseluruhannya, UiTMCNS telah berjaya memperoleh pencapaian yang cemerlang iaitu 6 bintang skor I-UiTM bagi PI tahun 2021 dengan peratusan penuh, 100% di atas pencapaian keseluruhan 65 petunjuk prestasi PI yang telah diperturunkan oleh BTU UiTM Shah Alam. Pencapaian ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan kerana UiTMCNS merupakan satu-satunya kampus cawangan yang telah memperoleh skor 100% bagi kesemua KPI yang telah diperturunkan. Ini jelas membuktikan bahawa dengan mendokong slogan ***Choosing to be Different***, UiTMCNS bukan sahaja telah berjaya mempertingkatkan mutu, mencetuskan anjakan

prestasi dan budaya kerja tetapi juga telah memperoleh pencapaian yang luar biasa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan UiTM CNS telah mengamalkan kaedah penyelarasan gerak kerja di kesemua kampus UiTM CNS bagi menggerakkan bidang tumpuan pengurusan kewangan melalui penetapan 2 PI berdasarkan Pelan Tindakan Strategik KPI-PI Tahun 2021 UiTM CNS. Pejabat Bendahari telah dipertanggungjawabkan dengan PI113 (*Income generation from asset monetisation including rental or leasing of university assets*) dan PI124 (*Income generation from education and training programmes*) bagi pelaksanaan gerak kerja projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTM CNS dan TRAIN@UiTM CNS di ketiga-tiga kampus UiTM CNS (Rajah 1.2.1 (**Bukti 1**)).

Potensi setiap kampus telah dikenal pasti sebagai strategi pelaksanaan projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTM CNS dan TRAIN@UiTM CNS. Secara dasarnya, Kampus Kuala Pilah mempunyai kekuatan berteraskan kepakaran pengendalian makmal dan penganjuran persidangan, Kampus Seremban 3 mempunyai kekuatan berteraskan kepakaran bahasa dan pengendalian latihan berasaskan peralatan, dan Kampus Rembau mempunyai kekuatan berteraskan kepakaran IT dan pengkomersilan (Rajah 1.2.2 (**Bukti 2**)). Dengan mendokong slogan *Choosing to be Different* yang telah dicetuskan oleh YBhg. Rektor UiTM CNS, kekuatan serta kelainan bagi kampus UiTM CNS adalah terletak kepada penumpuan yang diberikan terhadap projek inisiatif utama penjana pendapatan berdasarkan kekuatan ketiga-tiga kampus (Rajah 1.2.3 (**Bukti 3**)). Ini secara tidak langsung dapat mengoptimumkan sumber kepakaran yang ada dan mengelakkan pembaziran sumber.

Kepimpinan kanan UiTM CNS sedar bahawa projek inisiatif utama penjana pendapatan yang telah dirancang tidak mampu untuk bergerak sendiri tanpa sokongan padu daripada seluruh warga UiTM CNS. Keberhasilan bidang tumpuan utama ini adalah sukar untuk dicapai dengan peranan yang dijalankan oleh satu unit/bahagian sahaja. Justeru, bagi menentukan kejayaan UiTM CNS dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan utama ini, kesejajaran usaha serta pemantauan yang berterusan amatlah penting. Salah satu usaha yang telah dijalankan oleh pimpinan kanan UiTM CNS bagi menggerakkan projek inisiatif utama penjana pendapatan yang telah dirancang adalah dengan melantik 5 orang pengarah projek untuk menggalas tanggungjawab dalam menyelaras dan melapor aktiviti yang telah dirancang di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang meliputi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (BPJIM&A), Pejabat Pentadbiran dan Pejabat Bendahari (Rajah 1.2.4 **Bukti 4**)).

Selain itu, pendekatan efektif yang telah diambil oleh pimpinan kanan UiTM CNS bagi menggerakkan bidang tumpuan utama ini adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTM CNS yang diketuai oleh YBhg. Rektor UiTM CNS sendiri pada 16 Jun 2020 di Mesyuarat JKEN ke-58 (Rajah 1.2.5 **Bukti 5**)). Penubuhan Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTM CNS adalah bagi menentukan skop penjana pendapatan UiTM CNS agar ianya tidak terhad kepada aktiviti yang berbentuk penyelidikan, perundingan, pengurusan prasarana dan latihan semata-mata. Ianya merangkumi pelbagai jenis aktiviti yang mampu menjana pendapatan di mana pulangan atau faedah daripada pelaksanaan aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan sumber kewangan UiTM CNS.

Penubuhan jawatankuasa ini berjaya membentuk sinergi di antara semua unit dan bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kesemua unit dan bahagian berperanan untuk menghubungkan UiTM CNS dengan pihak luar yang berkepentingan yang terdiri daripada pihak industri, komuniti dan agensi kerajaan bagi pelaksanaan aktiviti penjana pendapatan. Jaringan ini amatlah penting dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan melalui aktiviti penjana pendapatan ini diketahui oleh pihak luar yang terlibat.

SENARAI BUKTI:

1. [K0057 K01 KB02 20221 UiTM CNS 1.2.1 BUKTI 1 KRITERIA 1.pdf](#)

-
2. [K0057_K01_KB02_20222_UiTMCNS_1.2.2_BUKTI_2_KRITERIA_1.pdf](#)
 3. [K0057_K01_KB02_20223_UiTMCNS_1.2.3_BUKTI_3_KRITERIA_1.pdf](#)
 4. [K0057_K01_KB02_20224_UiTMCNS_1.2.4_BUKTI_4_KRITERIA_1.pdf](#)
 5. [K0057_K01_KB02_20225_UiTMCNS_1.2.5_BUKTI_5_KRITERIA_1.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, salah satu usaha yang telah dijalankan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan adalah dengan melantik 5 orang pengarah projek untuk menggalas tanggungjawab dalam menyelaras dan melapor aktiviti yang telah dirancang di peringkat PTJ yang meliputi BHEA, BHEP, BPJIM&A, Pejabat Pentadbiran dan Pejabat Bendahari (Rajah 1.3.1 (**Bukti 1**)). Melalui pelantikan pengarah projek ini, projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS dapat diuar-uarkan melalui peranan yang dimainkan oleh pengarah projek, penglibatan ahli jawatankuasa projek dan seterusnya pelaksanaan projek berdasarkan matlamat dan pendekatan yang telah diambil bagi mencapai matlamat tersebut.

Selain daripada pelantikan pengarah projek dan ahli jawatankuasa yang terlibat, penyebarluasan maklumat berkaitan aktiviti penjana pendapatan juga telah dijalankan melalui beberapa mekanisme sama ada secara atas talian atau bersemuka seperti Program Amanat Rektor, Mesyuarat JKEN, Mesyuarat Akademik, Mesyuarat Jawatankuasa Penjana Pendapatan, Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi PI, Mesyuarat Pasukan Projek Inisiatif dan Sesi Perbincangan Sasaran KPI-PI 2021 bersama STU UiTMCNS (Rajah 1.3.2 hingga Rajah 1.3.5 (**Bukti 2**)). Ini kerana kepimpinan kanan UiTMCNS amat memberi penekanan terhadap penyebarluasan maklumat dan komunikasi yang efektif sebagai elemen terpenting bagi pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Walaupun penyebarluasan maklumat melalui e-mel, surat dan memo dapat membantu untuk memberi kefahaman terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang, sesi perjumpaan secara atas talian atau bersemuka adalah lebih berkesan kerana maklumat bukan sahaja dapat difahami melalui apa yang disampaikan, akan tetapi ianya akan lebih difahami dengan cara bagaimana ia disampaikan (Rajah 1.3.6 (**Bukti 3**)).

Satu lagi pendekatan efektif yang telah diambil oleh kepimpinan kanan UiTMCNS dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTMCNS yang diketuai oleh YBhg. Rektor UiTMCNS sendiri pada 16 Jun 2020 di Mesyuarat JKEN ke-58 (Rajah 1.3.7 dan Rajah 1.3.8 (**Bukti 4**)). Penubuhan Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTMCNS adalah bagi menentukan skop penjana pendapatan UiTMCNS agar ianya tidak terhad kepada aktiviti yang berbentuk penyelidikan, perundingan, pengurusan prasarana dan latihan semata-mata. Skop penjana pendapatan merangkumi pelbagai aktiviti yang mampu menjana pendapatan di mana pulangan atau faedah daripada pelaksanaan aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan sumber kewangan UiTMCNS. Berdasarkan minit Mesyuarat Penjana Pendapatan Bil 1 Tahun 2021, Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTMCNS juga berperanan dalam mengkoordinasikan arahan di peringkat eksekutif serta operasi universiti untuk diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan, khususnya dalam pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan. Ini adalah selaras dengan Garis Panduan Penjana Pendapatan Universiti Teknologi MARA Tahun 2017 (Rajah 1.3.9 (**Bukti 5**)).

Secara dasarnya, kepelbagaian mekanisme bagi penyebarluasan maklumat yang diamalkan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS adalah untuk memastikan keseluruhan warga UiTMCNS jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan, peka terhadap pelaksanaan gerak kerja aktiviti di bawah projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS di ketiga-tiga kampus UiTMCNS dan seterusnya dapat membentuk sinergi bagi mencapai keberhasilan bidang tumpuan pengurusan kewangan.

SENARAI BUKTI :

-
1. [K0057_K01_KB03_20221_UiTM CNS_1.3.1 BUKTI 1 KRITERIA 1.pdf](#)
 2. [K0057_K01_KB03_20222_UiTM CNS_1.3.2 BUKTI 2 KRITERIA 1.pdf](#)
 3. [K0057_K01_KB03_20223_UiTM CNS_1.3.3 BUKTI 3 KRITERIA 1.pdf](#)
 4. [K0057_K01_KB03_20224_UiTM CNS_1.3.4 BUKTI 4 KRITERIA 1.pdf](#)
 5. [K0057_K01_KB03_20225_UiTM CNS_1.3.5 BUKTI 5 KRITERIA 1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa komited dalam merealisasikan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirangka. Ini dapat dilihat melalui inisiatif pelantikan 5 orang pengarah projek untuk menggalas tanggungjawab dalam menyelaraskan dan melaporkan aktiviti yang telah dirancang di peringkat PTJ yang meliputi BHEA, BHEP, BPJIM&A, Pejabat Pentadbiran dan Pejabat Bendahari (Rajah 1.4.1.1 (**Bukti 1**)). Inisiatif ini juga disokong dengan penubuhan Jawatankuasa Penjana Pendapatan UiTMCNS yang diketuai oleh YBhg. Rektor UiTMCNS sendiri pada 16 Jun 2020 di Mesyuarat JKEN ke-58 (Rajah 1.4.1.2 (**Bukti 1**)).

Melalui pelaporan secara berkala bagi pencapaian projek inisiatif utama penjana pendapatan serta PI oleh pengarah projek kepada Rektor, faktor risiko, pencapaian, kegagalan dan penambahbaikan sesuatu projek inisiatif utama dapat dikenalpasti, dibincangkan serta dapat diatasi di masa akan datang. Ini membuktikan bahawa pelan pemantauan yang diamalkan merupakan satu pelan yang komprehensif. Rajah 1.4.1.3 (**Bukti 1**) menunjukkan ringkasan pelan pemantauan umum yang telah dilaksanakan oleh pimpinan kanan UiTMCNS bagi bidang tumpuan utama. Manakala Jadual 1.4.1.1 (**Bukti 2**) menunjukkan strategi pemantauan pimpinan kanan UiTMCNS. STU UiTMCNS berperanan untuk mengakses sistem *Dashboard* dan UePMO versi 3, BTU Shah Alam bagi memperolehi data PI dan seterusnya membuat pelaporan pencapaian data PI serta membentangkannya secara berkala di Mesyuarat Data PI dan secara tahunan di Mesyuarat JKEN Bil 77. Setiap pengarah projek pula bertanggungjawab untuk membentangkan pencapaian PI masing-masing di Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2021 (Rajah 1.4.1.4 hingga Rajah 1.4.1.9 (**Bukti 2**)).

Pada Mesyuarat Penjana Pendapatan Bil 3 Tahun 2021, beberapa lagi jawatankuasa pelaksana telah diwujudkan sebagai strategi memperkasa aktiviti penjana pendapatan serta mempertingkatkan kutipan hasil UiTMCNS melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Ruang Niaga (Rajah 1.4.1.10 (**Bukti 3**)). Jadual 1.4.1.2 (**Bukti 3**) menunjukkan keseluruhan jawatankuasa pelaksana dan PTJ yang terlibat bagi projek inisiatif utama penjana pendapatan serta fungsi jawatankuasa yang terlibat seperti yang telah dinyatakan di Mesyuarat Penjana Pendapatan Bil 1 Tahun 2021 (Rajah 1.4.1.11 (**Bukti 3**)).

Manakala Jadual 1.4.1.3 (**Bukti 4**) menunjukkan contoh aktiviti penjana pendapatan UiTMCNS seperti yang telah dinyatakan di Mesyuarat Penjana Pendapatan Bil 1 Tahun 2021. Pengesahan penjana pendapatan diberikan melalui e-mel dan surat kepada PTJ yang terlibat bagi sesuatu aktiviti penjana pendapatan (Rajah 1.4.1.12 hingga Rajah 1.4.1.15 (**Bukti 4**)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_K01_KB04_KC01_20221_UiTMCNS_1.4.1.1_BUKTI_1_KRITERIA_1.pdf](#)
2. [K0057_K01_KB04_KC01_20222_UiTMCNS_1.4.1.2_BUKTI_2_KRITERIA_1.pdf](#)
3. [K0057_K01_KB04_KC01_20223_UiTMCNS_1.4.1.3_BUKTI_3_KRITERIA_1.pdf](#)
4. [K0057_K01_KB04_KC01_20224_UiTMCNS_1.4.1.4_BUKTI_4_KRITERIA_1.pdf](#)
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Secara amnya, risiko adalah penyebab utama ketidakpastian dalam organisasi terhadap pencapaian sesuatu inisiatif di mana ianya boleh ditangani melalui perancangan awal. Oleh itu, kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengenal pasti, menilai dan menganalisis sebarang faktor yang boleh memberi ancaman atau peluang kepada sebarang usaha penjanaaan pendapatan UiTMCNS. Tidak dapat dinafikan bahawa pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara telah memberikan impak yang besar terhadap UiTMCNS dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik serta PI yang telah disasarkan bagi tahun 2021.

Namun, menyedari akan impak tersebut, kepimpinan kanan UiTMCNS telah mengenalpasti risiko melalui pelan pemantauan pencapaian PI yang telah dilaksanakan bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan. SAP (Rajah 1.4.2.1 (**Bukti 1**)) telah dijadikan sebagai panduan untuk menguruskan risiko bagi sesuatu projek inisiatif utama penjanaaan pendapatan. Jadual 1.4.2.1 (**Bukti 1**) menunjukkan contoh risiko yang telah diekstrak dari sistem UePMO, dan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penjanaaan Pendapatan Bil. 1 dan Bil. 2 Tahun 2021 oleh pengarah projek kepada kepimpinan kanan UiTMCNS (Rajah 1.4.2.2 hingga Rajah 1.4.2.4 (**Bukti 1**)). Rujuk Rajah 1.4.2.5 (**Bukti 2**) bagi perincian risiko yang telah dihadapi oleh UiTMCNS bagi tahun 2021.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_K01_KB04_KC02_20221_UiTMCNS_1.4.2.1 BUKTI 1 KRITERIA 1.pdf](#)
2. [K0057_K01_KB04_KC02_20222_UiTMCNS_1.4.2.2 Daftar Risiko.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan UiTMCNS amat peka terhadap keadaan semasa terutamanya risiko yang dihadapi oleh UiTMCNS akibat pandemik COVID-19. Segala risiko yang telah dihadapi bagi projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS telah diekstrak dari sistem UePMO (Rajah 1.4.3.1 **Bukti 1**). Tindakan penambahbaikan telah dijalankan untuk menangani risiko, meminimalkan kesan pandemik COVID-19 terhadap UiTMCNS umumnya serta mengoptimalkan aktiviti penjana pendapatan khususnya. Secara amnya, risiko yang dihadapi oleh UiTMCNS berkaitan dengan aktiviti penjana pendapatan telah diuruskan mengikut pelan pengurusan risiko yang sistematik iaitu dengan 1) mengenalpasti, 2) menilai, 3) menganalisis, dan 4) membincangkan beserta dengan cadangan tindakan penambahbaikan di Mesyuarat Jawatankuasa Penjana Pendapatan Bil. 1, Bil. 2 dan Bil. 3 tahun 2021 (Rajah 1.4.3.2 hingga Rajah 1.4.3.5 **Bukti 1**). Ini bagi memastikan keseluruhan PI yang telah ditetapkan bagi tahun 2021 dapat dicapai. Jadual 1.4.3.1 (**Bukti 1**) menunjukkan risiko dan tindakan penambahbaikan bagi projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Penjana Pendapatan Bil. 1 tahun 2021, sasaran amaun kutipan hasil penjana pendapatan yang telah ditetapkan adalah RM400,000 untuk PI113 dan RM100,000 untuk PI124 (Rajah 1.4.3.6 **Bukti 2**). Jadual 1.4.3.2 (**Bukti 2**) menunjukkan keseluruhan aktiviti penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS yang telah dilaksanakan, sasaran amaun kutipan hasil serta hasil penjana pendapatan melalui aktiviti yang telah dilaksanakan. Hasil penjana pendapatan yang direkodkan adalah melebihi sasaran amaun kutipan hasil RM500,000 yang telah ditetapkan, di mana UiTMCNS telah memperoleh hasil penjana pendapatan bersih sebanyak **RM814,307.62** seperti yang telah diumumkan pada Amanat Rektor 2022 (Rajah 1.4.3.7 **Bukti 2**). Hasil penjana pendapatan ini meliputi sewaan ruang, peralatan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti penjana pendapatan di UiTMCNS (Rajah 1.4.3.8 hingga Rajah 1.4.3.11 **Bukti 3**). Secara keseluruhannya, keberkesanan pelan pengurusan risiko serta hasil tindakan penambahbaikan bagi projek inisiatif utama penjana pendapatan bagi 2 kluster: RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS dapat dilihat melalui jumlah keseluruhan hasil penjana pendapatan yang telah direkodkan bagi tahun 2021.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_K01_KB04_KC03_20221_UiTMCNS_1.4.3.1_BUKTI_1_KRITERIA_1.pdf](#)
2. [K0057_K01_KB04_KC03_20222_UiTMCNS_1.4.3.2_BUKTI_2_KRITERIA_1.pdf](#)
3. [K0057_K01_KB04_KC03_20223_UiTMCNS_1.4.3.3_BUKTI_3_KRITERIA_1.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk membudayakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan, kepimpinan kanan UiTMCNS telah menggabungkan inisiatif penubuhan jawatankuasa pelaksana serta penyebaran maklumat berkaitan aktiviti penjanaan pendapatan sebagai mekanisme utama. Melalui gabungan penubuhan jawatankuasa pelaksana serta penyebaran maklumat berkaitan aktiviti penjanaan pendapatan, slogan *Choosing to be Different* telah diberikan penekanan untuk menghasilkan sesuatu inovasi, mencipta kelainan serta pembaharuan bagi sesuatu gerak kerja. Usaha ini dapat mempertingkatkan mutu, mencetuskan satu anjakan prestasi dan budaya kerja serta secara tidak langsung dapat mendorong UiTMCNS agar lebih terkehadapan.

Di samping itu, 65 PI yang telah diperturunkan oleh BTU UiTM Shah Alam telah disebarkan serta diperturunkan pula kepada warga UiTMCNS di dalam Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2021 UiTMCNS melalui kaedah *top-down*. Ini kerana, seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, kepimpinan kanan UiTMCNS amat memberi penekanan terhadap penyebaran maklumat dan komunikasi yang efektif sebagai elemen terpenting bagi pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Walaupun penyebaran maklumat melalui e-mel, surat dan memo dapat membantu untuk memberi kefahaman terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang, sesi perjumpaan secara atas talian atau bersemuka adalah lebih berkesan. Seterusnya, keadaan ini dapat membentuk satu budaya kerja bagi objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang (Rajah 1.5.1 dan Rajah 1.5.2 (**Bukti 1**)). Jadual 1.5.1 (**Bukti 1**) menunjukkan senarai mesyuarat beserta matlamat pengendalian mesyuarat dalam mengaplikasi kaedah *top-down*, yang secara tidak langsung menyumbang kepada pembudayaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang.

Secara keseluruhannya, pembudayaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan pengurusan kewangan adalah berhasil. Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian yang cemerlang iaitu 6 bintang skor I-UiTM bagi PI tahun 2021 dengan peratusan penuh, 100% di atas pencapaian keseluruhan 65 petunjuk prestasi PI yang telah diperturunkan oleh BTU UiTM Shah Alam. Keberhasilan ini secara tidak langsung membuktikan kualiti yang ditunjukkan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS dalam memacu seluruh warga UiTMCNS untuk mencapai keberhasilan bidang tumpuan pengurusan kewangan melalui pengurusan aktiviti penjanaan pendapatan.

Perincian bagi perancangan strategik UiTMCNS berkaitan bidang tumpuan pengurusan kewangan akan diterangkan dalam bahagian seterusnya iaitu KRITERIA 2: PERANCANGAN STRATEGIK.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_K01_KB05_20221_UiTMCNS_1.5.1_BUKTI_1_KRITERIA_1.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik merupakan nadi operasi UiTMCNS. Melalui bidang tujuan **Pengurusan Kewangan** dengan slogan ***Choosing to be Different***, perancangan strategik berpandukan pendekatan baharu yang berbeza, pihak pengurusan UiTMCNS telah berjaya membentuk objektif dan inisiatif strategik yang meningkatkan penjana pendapatan dan ketampakan UiTMCNS di peringkat nasional dan global seterusnya mencapai objektif bidang tujuan. Dalam mendokong aspirasi UiTM sebagai universiti terkemuka dunia, UiTMCNS telah merangka inisiatif strategik berimpak tinggi berpandukan kepada Dasar Pendidikan Negara, RMK-12, rangka tindakan Pelan Strategik UiTM 2021-2025, Amanat Naib Canselor 2021 (disejajarkan dengan KPI bendahari dalam **22 KPI 2021**) dan **Amanat Rektor UiTMCNS 2021** (Model Penjajaran Perancangan Strategik UiTMCNS 2018-2020) bagi mencapai KPI dan PI yang ditetapkan.

Bagi tahun 2021, UiTMCNS telah disasarkan dengan 65 PI berbanding tahun sebelumnya iaitu 51 PI. Rektor selaku peneraju utama Projek Inisiatif Utama telah menerajui dua Bengkel Perancangan Strategik 2021 secara maya dan bersemuka. Perancangan Strategik (*Plan*) telah dibuat dengan pembahagian 65 PI kepada lima (5) Pengarah Projek yang terdiri daripada lima (5) kepimpinan kanan UiTMCNS (*Do*). Dua PI iaitu PI113 (*Income generation from asset monetisation including rental or leasing of university assets*) dan PI124 (*Income generation from education and training programmes*) dengan sasaran penjana pendapatan yang ditetapkan oleh BTU sebanyak RM400,000 (PI113) dan RM100,000 (PI124) pada tahun 2021. Projek Inisiatif Utama Penjana Pendapatan telah dirangka dan dibahagikan kepada dua kluster penjana iaitu **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS** dengan objektif penjana pendapatan dan penganjuran kursus dan latihan, program perkongsian kepakaran staf. Bagi memastikan sasaran bidang tujuan tercapai, Pejabat Bendahari selaku pasukan Projek Inisiatif Utama telah merancang strategi dengan membahagikan dua kluster tersebut kepada empat (4) suku tahunan seperti yang dilaporkan di dalam Pelan Tindakan Strategik KPI-PI Tahun 2021 UiTMCNS (Bendahari) untuk dilaksanakan dan dipantau (*Check*). Pelan pemantauan pencapaian inisiatif strategik UiTMCNS adalah menggunakan pendekatan *PDCA: Plan, Do, Check and Act* melalui model pemantauan yang sistematik menggunakan kaedah komunikasi dua hala (*top-down* dan *bottom-up*). Kesemua inisiatif telah diperturunkan kepada pasukan Projek Inisiatif Utama melalui kaedah *top-down*. Bagi mengimbangi pencapaian PI, kaedah pemantauan *bottom-up* melalui maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasar seperti maklumbalas kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan UiTMCNS, serta maklumbalas daripada peserta program penjana pendapatan, e-Aduan dan media sosial seperti Facebook rasmi UiTMCNS dianalisa bagi tujuan penambahbaikan perancangan strategik UiTMCNS.

Pelaporan pencapaian bagi semua projek di bawah kedua-dua kluster oleh pasukan Projek Inisiatif Utama kepada pihak Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCNS dibuat secara berkala. Seterusnya laporan pencapaian PI UiTMCNS dibentangkan oleh penyelaras STU UiTMCNS di dalam Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi PI. Disamping itu, laporan pencapaian PI juga dibuat melalui sistem UePMO yang dipantau oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Analisa pencapaian kemudiannya disebar luas di peringkat kampus dan UiTM. Risiko setiap inisiatif telah dikenalpasti (*Act*) dan didaftarkan di peringkat UiTMCNS dan UiTM menerusi templat *excel* Strategic Action Plan (SAP). Langkah ini dilakukan bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan dengan jaya serta tindakan alternatif dapat dikenalpasti lebih awal agar tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan. Kejayaan UiTMCNS mendapat penarafan **ENAM (6) BINTANG** telah disebarluaskan melalui pelbagai mekanisme secara maya dan bersemuka.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS menjadikan **Pelan Strategik UiTM 2021-2025** sebagai nadi operasi Pencapaian Perancangan Strategik UiTMCNS bagi tempoh 2021-2025. Bagi tahun 2021, BTU telah menetapkan 65 PI kepada UiTMCNS. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 14 PI berbanding tahun 2020 (Rajah 2.2.1 (**Bukti 1**)). Rektor UiTMCNS telah mengetuai **Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2021** secara dalam talian pada 21 Disember 2020 dan 6 Januari 2021 seperti yang dilaporkan di dalam laporan bengkel pelan tindakan strategik tahun 2021 (Rajah 2.2.2 (**Bukti 2**)). Melalui bengkel tersebut, setiap PTJ yang terlibat telah merangka strategi bagi merealisasikan PI yang telah ditetapkan. Bagi mencapai 65 PI tersebut, UiTMCNS telah mengambil pendekatan bersistematik dengan mengagihkan PI kepada PTJ selaku Pengarah Projek dalam memastikan projek utama dan sub-projek di dalam SAP tercapai (Rajah 2.2.3 (**Bukti 2**)). **Pelan Tindakan Strategik UiTMCNS** tersebut merangkumi 10 Projek Inisiatif Utama, 35 Sub-Projek dan 65 PI. Pihak Unit STU juga telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan bersama BTU pada 25 Januari 2021 bagi mendapatkan informasi terkini dan terperinci berkenaan dengan SAP, PI dan juga Pelan Strategik UiTM 2021-2025 (Rajah 2.2.4 (**Bukti 2**)).

Bagi mencapai objektif **Bidang Tujahan Pengurusan Kewangan**, UiTMCNS telah memfokuskan dua PI iaitu **PI113 (*Income generation from asset monetisation including rental or leasing of university assets*)** dan **PI124 (*Income generation from education and training programmes*)** dengan sasaran penjana pendapatan yang ditetapkan oleh BTU sebanyak **RM400,000 (PI113)** dan **RM100,000 (PI124)** pada tahun 2021. **Projek Inisiatif Utama Penjana Pendapatan** telah dirangka dan dibahagikan kepada dua (2) kluster penjana iaitu **RENT@UiTMCNS** bagi mencapai PI113 dan **TRAIN@UiTMCNS** bagi mencapai PI124 (Rajah 2.2.5 (**Bukti 3**)). Pejabat Bendahari merupakan PTJ yang diketuai oleh Timbalan Bendahari Kanan selaku Pengarah Projek dan dibantu oleh Penolong Bendahari Kanan dan Penolong Bendahari sebagai Pengurus Projek (Rajah 2.2.6 (**Bukti 4**)). Dua (2) kluster tersebut telah dilaksanakan di ketiga-tiga kampus (Kuala Pilah, Seremban, dan Rembau). RENT@UiTMCNS merangkumi Rent2U@Pilah, Rent2U@Seremban dan Rent2U@Rembau adalah bertujuan untuk penjana pendapatan melalui promosi kepelbagaian sewaan ruang dan aset universiti. Manakala TRAIN@UiTMCNS bertujuan meningkatkan hasil melalui penganjuran kursus dan latihan, program perkongsian kepakaran bidang kepada warga dan umum termasuk seminar, konferens dan *Continuous Professional Development* (CPD). Bagi memastikan sasaran bidang tujahan tercapai, Pejabat Bendahari telah merancang strategi dengan membahagikan kedua-dua kluster kepada empat (4) suku tahunan seperti yang dilaporkan di dalam **Pelan Tindakan Strategik KPI-PI Tahun 2021 UiTMCNS (Bendahari)** (Rajah 2.2.7 (**Bukti 5**)) untuk dilaksanakan dan dipantau. Melalui pelan tersebut, setiap strategi dan tindakan juga telah diperincikan, di mana sasaran penjana bagi setiap PI telah dibahagikan mengikut fasa dan juga kampus. Bagi PI113, sasaran penjana berjumlah RM99,000 telah disasarkan untuk fasa 1, RM198,750 untuk fasa 2 dan seterusnya RM102,250 untuk fasa 3. Manakala bagi PI124 pula, RM25,000 penjana telah disasarkan masing-masing untuk fasa 1, 2, 3 dan 4.

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_P01_PB02_20221_UiTMCNS_2.2.1 BUKTI 1 KRITERIA 2.pdf](#)
2. [K0057_P01_PB02_20222_UiTMCNS_2.2.2 BUKTI 2 KRITERIA 2.pdf](#)
3. [K0057_P01_PB02_20223_UiTMCNS_2.2.3 BUKTI 3 KRITERIA 2.pdf](#)
4. [K0057_P01_PB02_20224_UiTMCNS_2.2.4 BUKTI 4 KRITERIA 2.pdf](#)
5. [K0057_P01_PB02_20225_UiTMCNS_2.2.5 BUKTI 5 KRITERIA 2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penglibatan dan sokongan semua warga dalam penambahbaikan perancangan strategik adalah amat penting untuk mencapai kejayaan sesebuah organisasi. **Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2021** yang melibatkan semua PTJ telah dijalankan. Melalui bengkel tersebut, UiTMCNS telah merangka beberapa projek dan strategi untuk memastikan Pelan Tindakan Strategik tahun 2021 tercapai dengan perlantikan Jawatankuasa Penjanaaan Pendapatan serta perlantikan Pengarah dan Pengurus Projek.

Penyebarnyaan PI UiTMCNS 2021 telah dilakukan melalui beberapa kaedah secara maya dan bersemuka kepada seluruh warga UiTMCNS melalui beberapa platform:

- (1) **Sesi Amanat Rektor.** Taklimat Rektor bersama warga UiTMCNS berkenaan halatuju dan perancangan strategik pencapaian PI UiTMCNS 2021 (Rajah 2.3.1 (**Bukti 1**)).
- (2) **Sesi Perbincangan Sasaran KPI-PI 2021 bersama BTU.** Taklimat dan perbincangan bersama BTU kepada pengurusan kanan serta pasukan Projek Inisiatif Utama mengenai sasaran PI UiTMCNS (rujuk Rajah 2.2.4 (**Bukti 2**)).
- (3) **Mesyuarat Jawatankuasa Penjanaaan Pendapatan.** Mesyuarat antara Rektor bersama pengurusan kanan UiTMCNS bagi merangka, melaksana dan memantau pencapaian PI mengikut suku tahunan (4 kali) (Rajah 2.3.2 (**Bukti 1**)).
- (4) **Mesyuarat JKEN.** Mesyuarat antara Rektor bersama pengurusan kanan UiTMCNS secara bulanan bagi pelaksanaan dan pemantauan pencapaian PI (Rajah 2.3.3 (**Bukti 2**)).
- (5) **Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi PI.** Mesyuarat antara Rektor bersama pengurusan kanan UiTMCNS bagi tujuan memantau pencapaian PI mengikut suku tahunan (4 kali) (Rajah 2.3.4 (**Bukti 2**)).
- (6) **Mesyuarat Pengurusan Akademik.** Mesyuarat antara Timbalan Rektor HEA bersama KPP dan Koordinator Program bertujuan untuk pembahagian KPI mengikut pusat pengajian dan jabatan (Rajah 2.3.5 (**Bukti 3**)).
- (7) **Mesyuarat Akademik.** Mesyuarat antara Rektor, pengurusan kanan dan staf akademik UiTMCNS bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan PI (Rajah 2.3.6 (**Bukti 3**)).

Di samping itu, penyebarnyaan maklumat kepada warga juga telah dibuat melalui email (Rajah 2.3.7(a) (**Bukti 4**)) serta platform sosial media seperti laman sesawang UiTMCNS (Rajah 2.3.7(b) (**Bukti 4**)). Penyebarnyaan maklumat penting bagi memastikan keterlibatan warga dalam memastikan pelaksanaan dan pencapaian PI mengikut fasa yang telah ditetapkan. Kluster pertama iaitu **RENT@UiTMCNS** yang melibatkan beberapa projek sewaan ruang di Kampus Kuala Pilah, Rembau dan Seremban. Manakala kluster kedua iaitu **TRAIN@UiTMCNS** yang melibatkan projek seperti Kursus Pengacaraan Era Digital, 1st International Conference & Education Adat Perpatih 2021 (ICEIAP 2021), Negeri Sembilan International Exposition 2021 (NSIEx 2021) serta perusahaan kecil dan sederhana. Pelaporan pencapaian bagi semua projek di bawah kedua-dua kluster tersebut oleh pasukan Projek Inisiatif Utama kepada Pihak STU dibuat secara berkala (bulanan dan suku tahunan). Seterusnya laporan pencapaian PI UiTMCNS dibentangkan oleh penyelaras STU UiTMCNS di dalam mesyuarat JKEN dan Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi PI. Disamping itu, laporan pencapaian PI juga dibuat melalui sistem *SAP Online Monitoring System* (UePMO) yang dipantau oleh BTU (Rajah 2.3.8 (**Bukti 5**)).

SENARAI BUKTI :

-
1. [K0057_P01_PB03_20221_UiTMCNS_2.3.1_BUKTI_1_KRITERIA_2.pdf](#)
 2. [K0057_P01_PB03_20222_UiTMCNS_2.3.2_BUKTI_2_KRITERIA_2.pdf](#)
 3. [K0057_P01_PB03_20223_UiTMCNS_2.3.3_BUKTI_3_KRITERIA_2.pdf](#)
 4. [K0057_P01_PB03_20224_UiTMCNS_2.3.4_BUKTI_4_KRITERIA_2.pdf](#)
 5. [K0057_P01_PB03_20225_UiTMCNS_2.3.5_BUKTI_5_KRITERIA_2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan pencapaian inisiatif strategik UiTMCNS adalah menggunakan pendekatan **PDCA: Plan, Do, Check and Act** melalui model pemantauan yang sistematik menggunakan kaedah komunikasi dua hala (**top-down** dan **bottom-up**). Kesemua inisiatif dalam perancangan strategik telah diperturunkan kepada Pasukan Projek Inisiatif Utama semasa **Bengkel Pelan Tindakan Strategik Tahun 2021** UiTMCNS melalui kaedah **top-down** seperti yang dibentangkan di dalam SAP (rujuk Rajah 2.2.3 (2.2 Pendekatan - Bukti 2)). Rektor selaku Pengeraja Utama Pelan Strategik UiTMCNS telah mempertanggungjawabkan kepada Kepimpinan Kanan UiTMCNS sebagai Pengarah Projek bagi memantau pencapaian objektif dan inisiatif strategik projek-projek yang telah perturunkan di bawah PTJ masing-masing. Setiap Pengarah Projek pula telah melantik Pengurus Projek dikalangan KPP/KP/ Penyelaras bahagian/unit melaksanakan tugas pemantauan bagi memastikan pelaksanaan projek dibawah tanggungjawab masing-masing terlaksana mengikut *milestone*.

Bagi mencapai objektif **Bidang Tujahan Pengurusan Kewangan**, Timbalan Bendahari telah membentangkan cadangan penubuhan **Jawatankuasa Penjana Pendapatan** di dalam Mesyuarat JKEN (Rajah 2.4.1.1 (**Bukti 1**)) (**Plan**) yang merancang, mengenalpasti, memantau dan mengesyorkan kaedah pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian dengan aktiviti penjana pendapatan yang dilaksanakan (Rajah 2.4.1.2 (**Bukti 2**)).

Seterusnya pembahagian pelaksanaan projek-projek mengikut kluster iaitu **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS (Do)**. Di bawah setiap kluster telah dipetakan projek-projek yang dilaksanakan mengikut **suku tahunan** seperti yang ditunjukkan di dalam model penyusunan dan pelaksanaan projek PI mengikut kluster (Rajah 2.4.1.3 (**Bukti 3**)).

Kaedah pemantauan (**Check**) dilakukan melalui pelaporan status pelaksanaan projek secara **bulanan** melalui **Mesyuarat JKEN** dan **suku tahunan** dibuat melalui **sistem UePMO** yang diselaraskan oleh Penyelaras STU (Rajah 2.4.1.4 (**Bukti 4**)). Pemantauan dilaksanakan melalui pelaporan **Pengarah Projek** menggunakan **google spreadsheets (excel)** yang disediakan berdasarkan Model Pemantauan Berkala yang sistematik (rujuk Rajah 2.4.1.5 (**Bukti 5**)). Ini menjadikan informasinya sentiasa dikemaskini dan tindakan mitigasi pantas dapat diambil supaya pencapaian inisiatif strategik mencapai piawaian yang ditetapkan untuk dilaporkan secara bulanan kepada Penyelaras STU melalui sistem **UePMO**. Seterusnya Penyelaras STU telah menghantar laporan Pencapaian PI secara bulanan melalui sistem UePMO kepada BTU secara atas talian. Analisa pemantauan dan pencapaian inisiatif kemudiannya **dibentangkan oleh Penyelaras STU kepada Pengurusan Kanan UiTMCNS** melalui Mesyuarat JKEN (secara bulanan), Mesyuarat Pencapaian Data Prestasi PI (secara bulanan) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_P01_PB04_PC01_20221_UiTMCNS_2.4.1.1_BUKTI_1_KRITERIA_2.pdf](#)
2. [K0057_P01_PB04_PC01_20222_UiTMCNS_2.4.1.2_BUKTI_2_KRITERIA_2.pdf](#)
3. [K0057_P01_PB04_PC01_20223_UiTMCNS_2.4.1.3_BUKTI_3_KRITERIA_2.pdf](#)
4. [K0057_P01_PB04_PC01_20224_UiTMCNS_2.4.1.4_BUKTI_4_KRITERIA_2.pdf](#)
5. [K0057_P01_PB04_PC01_20225_UiTMCNS_2.4.1.5_BUKTI_5_KRITERIA_2.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko yang efisien dititikberatkan kerana ia melibatkan kos dan manfaat dalam jangka masa pendek dan panjang. Oleh itu UiTMCNS telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** untuk mengawal dan memantau pelbagai risiko yang dihadapi sewaktu pelaksanaan inisiatif dalam perancangan strategik (Rajah 2.4.2.1 (**Bukti 1**)). Tahap risiko serta impak kepada: (1) strategi, (2) kewangan, (3) operasi dan (4) reputasi dikenalpasti dan langkah awal diambil bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang ditetapkan untuk UiTMCNS. Pengarah Projek perlu mengenalpasti risiko ketidakcapaian PI mengikut *milestone* dan mencadangkan langkah mitigasi bagi memastikan pencapaian PI mengikut suku tahunan yang telah ditetapkan (**Act**) melalui Mesyuarat JKEN (rujuk Rajah 2.3.3 (**Bukti 2**)), Mesyuarat Pencapaian Data Prestasi (rujuk Rajah 2.3.4 (**Bukti 2**)) serta MKSP (Rajah 2.4.2.2 (**Bukti 2**)). Pasukan Projek Inisiatif Utama telah mengenalpasti faktor risiko ketidakcapaian PI, seterusnya telah mendaftarkan dan mengemaskini risiko melalui Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) **menggunakan templat excel/ SAP yang ditambahbaik oleh BTU** (Rajah 2.4.2.3 (**Bukti 3**)) dalam tempoh yang telah ditetapkan. Seterusnya langkah mitigasi telah dicadangkan bagi memastikan PI tercapai. Ringkasan Daftar Risiko tersebut pula telah dibentangkan oleh **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** (Rajah 2.4.2.4 (**Bukti 4**)).

Halangan utama kepada pencapaian objektif strategik pada 2021 ialah apabila dunia masih lagi dilanda pandemik COVID-19 yang mana telah membataskan aktiviti projek secara bersemuka dan seterusnya menjejaskan penajaan pendapatan seluruh sistem universiti. PKP menyebabkan hampir semua inisiatif yang dirangka tidak dapat dijalankan secara bersemuka dan 80% staf diarah bekerja dari rumah. Justeru, **UiTMCNS telah merangka pelan tindakan kawalan risiko** yang dilaksanakan yang secara efektif dan berjaya mengurangkan kesan risiko terhadap Pengurusan Kewangan. Antara pelan tindakan yang telah diambil ialah penggunaan teknologi digital melalui pelbagai platform seperti *Google meet, Webex, Zoom, Microsoft Team* dan *YouTube* yang telah dilaksanakan dalam penganjuran **TRAIN@UiTMCNS** untuk menggantikan kaedah fizikal (Rajah 2.4.2.5 (**Bukti 5**)). Justeru membuktikan risiko-risiko telah berjaya diatasi dengan efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_P01_PB04_PC02_20221_UiTMCNS_2.4.2.1 BUKTI 1 KRITERIA 2.pdf](#)
2. [K0057_P01_PB04_PC02_20222_UiTMCNS_2.4.2.2 BUKTI 2 KRITERIA 2.pdf](#)
3. [K0057_P01_PB04_PC02_20223_UiTMCNS_2.4.2.3 BUKTI 3 KRITERIA 2.pdf](#)
4. [K0057_P01_PB04_PC02_20224_UiTMCNS_2.4.2.4 BUKTI 4 KRITERIA 2.pdf](#)
5. [K0057_P01_PB04_PC02_20225_UiTMCNS_2.4.2.5 BUKTI 5 KRITERIA 2.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan inisiatif strategik telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JKEN, Mesyuarat Pencapaian Data Prestasi dan MKSP secara berkala. Strategi dan inisiatif kemudian disebarluaskan kepada semua warga UiTMCNS melalui mekanisme mesyuarat, sesi perbincangan dan taklimat secara bersemuka dan maya bagi mendapat input secara tepat dan pantas (Rajah 2.4.3.1 (**Bukti 1**)). Input dan maklumbalas warga kampus dikumpulkan secara efisien melalui aplikasi seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Google form* dan *Twitter* memandangkan capaiannya lebih mudah, menepati perubahan keadaan semasa dan mesra pengguna (Rajah 2.4.3.2 (**Bukti 2**)). Keseluruhannya, **sinergi, keterlibatan serta input nilai tambah dari warga** telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung ke arah peningkatan kualiti serta kecemerlangan UiTMCNS. Bagi memastikan PI tercapai, kaedah pemantauan **bottom-up** melalui maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasar seperti maklumbalas kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan UiTMCNS serta maklum balas daripada e-Aduan dan media sosial seperti Facebook rasmi UiTMCNS dianalisa bagi tujuan penambahbaikan perancangan strategik UiTMCNS. Data maklumbalas pelanggan telah dianalisa bagi merancang penambahbaikan perkhidmatan UiTMCNS dan pihak berkepentingan (Rajah 2.4.3.3 (**Bukti 3**)). Penglibatan semua kumpulan sasar dalam perancangan penambahbaikan Perancangan Strategik adalah merupakan satu kaedah dalam memastikan objektif strategik yang telah disasarkan tercapai.

Pada tahun 2020, UiTMCNS telah mendapat penarafan enam (6) bintang dengan pencapaian 85% daripada keseluruhan **51 PI**. Prestasi ini telah dijadikan sebagai penanda aras bagi merangka Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2021. Sekali lagi UiTMCNS telah dianugerahkan **Penarafan Enam (6) Bintang** oleh BTU dengan **pencapaian 100% PI** bagi tahun tersebut. Projek-projek dibawah Pengurusan Kewangan iaitu **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS** telah menunjukkan pencapaian cemerlang **melebihi sasaran** 500K di mana pada suku tahunan ke empat pencapaian penjana pendapatan sebanyak **RM814,307.62**. Ini menunjukkan **strategi baharu** yang dipraktikkan oleh UiTMCNS iaitu penggunaan **konsep kluster, pembahagian projek mengikut suku tahunan dan pembentukan Jawatankuasa Penjana Pendapatan** telah membantu UiTMCNS dalam merancang, melaksana, memantau dan menambahbaik setiap PI agar tercapai dalam masa yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_P01_PB04_PC03_20221_UiTMCNS_2.4.3.1 BUKTI 1 KRITERIA 2.pdf](#)
2. [K0057_P01_PB04_PC03_20222_UiTMCNS_2.4.3.2 BUKTI 2 KRITERIA 2.pdf](#)
3. [K0057_P01_PB04_PC03_20223_UiTMCNS_2.4.3.3 BUKTI 3 KRITERIA 2.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi mencapai PI dalam **Bidang Tujahan Pengurusan Kewangan**, kepimpinan kanan UiTMCNS telah berjaya membudayakan slogan *Choosing to be Different* kepada warga dengan mencorakkan hala tuju Pelan Inisiatif UiTMCNS melalui pendekatan yang kreatif dan berkesan. Slogan *Choosing to be Different* diasimilasikan dengan kewujudan kluster bagi mencapai PI digabungkan dengan kaedah pelaksanaan suku tahunan dan dipantau secara berkala oleh Pihak STU. UiTMCNS telah melibatkan semua kumpulan sasar dalam proses perancangan penambahbaikan perancangan strategik melalui Data Penyewaan Ruang di ketiga-tiga kampus UiTMCNS (**RENT@UiTMCNS**). Bagi memperkasakan kepakaran staf akademik, penglibatan mereka lebih tertumpu kepada kluster **TRAIN@UiTMCNS** (Rajah 2.5.1 (**Bukti 1**)). Kejayaan projek NSIEx 2021 (Rajah 2.5.2 (**Bukti 2**)), kursus pengacaraan, online digital marketing serta ICEIAP 2021 dengan kolaborasi antara universiti awam tempatan dan universiti antarabangsa dari Thailand dan Indonesia telah membuktikan penglibatan kumpulan sasar dalam proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan penganjuran program diperingkat nasional dan antarabangsa.

Inisiatif penubuhan jawatankuasa pelaksana bagi **Bidang Tujahan Pengurusan Kewangan** serta penyebaran maklumat berkaitan aktiviti penjana pendapatan telah menunjukkan keberhasilan di mana di akhir suku tahunan ke empat 2021, UiTMCNS telah memperolehi 100% pencapaian PI. UiTMCNS telah menjana sebanyak RM 677,435.77 bagi P1113 dan RM 136,871.85 bagi P1124 (Rajah 2.5.3 **Bukti 3**) di mana kedua-duanya telah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh BTU. Seterusnya telah melayakkan UiTMCNS sekali lagi dianugerahkan penarafan **ENAM (6) BINTANG** oleh BTU. Ini membuktikan bahawa warga UiTMCNS bukan sahaja peka terhadap objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang tetapi menyokong pengurusan kanan dalam mengangkat slogan *Choosing to be Different*. Kejayaan ini adalah hasil perancangan strategik UiTMCNS di mana semua perancangan sentiasa mengambil inisiatif yang efektif untuk proses penambahbaikan perancangan strategik cawangan bagi mencapai PI dalam bidang tujahan pengurusan kewangan. Kejayaan ini telah disebarluaskan kepada semua warga (Rajah 2.5.4(a) dan Rajah 2.5.4(b) (**Bukti 4**)).

Perincian bagi pelaksanaan perancangan strategik UiTMCNS berkaitan bidang tujahan pengurusan kewangan akan diterangkan dalam bahagian seterusnya iaitu KRITERIA 3: KEPIMPINAN.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_P01_PB05_20221_UiTMCNS_2.5.1 BUKTI 1 KRITERIA 2.pdf](#)
2. [K0057_P01_PB05_20222_UiTMCNS_2.5.2 BUKTI 2 KRITERIA 2.pdf](#)
3. [K0057_P01_PB05_20223_UiTMCNS_2.5.3 BUKTI 3 KRITERIA 2.pdf](#)
4. [K0057_P01_PB05_20224_UiTMCNS_2.5.4 BUKTI 4 KRITERIA 2.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bersandarkan kepada tema ***Choosing to be Different***, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) sangat peka dalam menjaga hubungan dengan pelanggan utama yang terlibat bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan kampus yang berterusan. Istilah pelanggan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada individu, agensi atau organisasi seperti pelajar, staf UiTMCNS, pemegang taruh, alumni, masyarakat dan pihak berkepentingan yang berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan UiTMCNS.

RENT@UiTMCNS dan **TRAIN@UiTMCNS** merupakan satu kluster yang dirancang oleh UiTMCNS dalam usaha untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan. Sehubungan itu, dalam memastikan kualiti kepuasan pelanggan dapat dicapai, penilaian pelaksanaan terhadap setiap projek di dalam RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS sangat dititik beratkan selari dengan objektif Perancangan Strategik UiTM 2025.

Maklum balas pelanggan bagi kluster RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS dikumpul, disimpan dan dikemaskini di peringkat PTJ masing-masing. Penyampaian maklumat kepada pelanggan diedarkan melalui platform penting seperti menerusi mesyuarat, bengkel dan kursus yang dihadiri oleh para pelanggan. Perkara ini penting bagi memastikan para pelanggan cakna dengan projek yang dilaksanakan di UiTMCNS.

Kluster Pelan Tindakan Strategik UiTMCNS dipantau terus oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMCNS melalui carta perbatuan sasaran KPI dan PI secara berkala. Seorang pegawai dilantik untuk mengetuai projek dengan pemantauan bersama Bahagian Transformasi UiTM (BTU) UiTMCNS.

Pelaporan aduan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Pejabat Bendahari (MKPB), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan Pendapatan. Pelaporan ini penting bagi memastikan tindakan penambahbaikan terhadap tahap kepuasan pelanggan yang optimum dapat dicapai dari semasa ke semasa.

Hasil yang telah dicetuskan melalui tindakan penambahbaikan ialah pencapaian penajaan pendapatan di bawah kluster RENT@UiTMCNS dan kejayaan dalam penganjuran program di bawah kluster TRAIN@UiTMCNS seperti *1st International Conference on Educational, Innovation and Adat Perpatih 2021* (ICEIAP 2021), Program Pengacaraan Era Digital atau lebih dikenali sebagai P.E.D, dan *Negeri Sembilan International Exposition* (NSIEx 2021). Kejayaan daripada inisiatif dan kerjasama semua pihak di UiTMCNS dalam memastikan tahap kepuasan pelanggan dapat dibuktikan melalui pengiktirafan kepada pencapaian 6 bintang dan skor 100% dalam UiTM Performance Indicator (PI) kampus bagi tahun 2021.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan merupakan elemen yang sangat penting bagi setiap organisasi dan tidak ketinggalan juga kepada UiTMCNS. Pengurusan pelanggan yang cekap dan berkesan akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif mengikut kehendak dan keperluan pelanggan. UiTMCNS sentiasa proaktif dalam memastikan kehendak pelanggan dapat ditingkatkan secara berterusan. Pemantapan ke atas usaha ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan menyeluruh dengan melibatkan kerjasama semua pihak dalam organisasi dan interaksi yang baik dengan pelanggan rujuk Jadual 3.2.1 (**Bukti 1**).

Sejajar dengan itu, pelbagai perancangan strategik yang telah dilaksanakan oleh UiTMCNS, bagi memastikan penjana pendapatan sebanyak RM500,000.00 rujuk Rajah 3.2.1 (**Bukti 2**) bagi tahun 2021 dapat dicapai. Atas inisiatif semua pihak, UiTMCNS telah berjaya mencapai lebih daripada sasaran dengan pendapatan sebanyak RM 814,307.62 rujuk Rajah 3.2.2 (**Bukti 2**). Hasil utama daripada penjana kewangan ini adalah dari kluster RENT@UiTMCNS dan juga TRAIN@UiTMCNS.

Seperti yang telah dimaklumkan, pelanggan adalah penyumbang yang terbesar dalam mencapai target penjana kewangan bagi UiTMCNS. Oleh itu, mekanisme ke arah pengenalan dan mengenalpasti kepada maklumat pelanggan haruslah dikenalpasti. Berlandaskan kepada maklumat ini, UiTMCNS telah melaksanakan kaedah pendekatan yang bersesuaian dalam penyampaian maklumat mengenai pembukaan tender untuk sewaan ruang niaga serta hebahan mengenai projek yang dilaksanakan.

Perincian bagi pendekatan yang dilaksanakan oleh UiTMCNS untuk setiap kategori pelanggan berdasarkan kepada sewaan ruang niaga dan projek-projek yang menjadi tunjang utama dalam menyumbang kepada penjana pendapatan buat UiTMCNS boleh rujuk kepada Jadual 3.2.1 (**Bukti 1**).

Antara kaedah-kaedah pendekatan yang dipraktikkan dalam mengenalpasti pelanggan UiTMCNS rujuk Rajah 3.2.3 (**Bukti 3**). UiTMCNS menggunakan pelbagai platform diantaranya adalah website rasmi serta Facebook rasmi UiTMCNS, Facebook rasmi UiTM Kampus Rembau dan e-mel rasmi NSIEx, rujuk Rajah 3.2.4 hingga Rajah 3.2.7 (**Bukti 3**). Platform ini digunakan sebagai medium untuk berkongsi gambar, ringkasan maklumat dan pelaksanaan setiap projek bagi rujukan serta makluman warga kampus, masyarakat dan juga komuniti setempat.

Selain melakukan hebahan menggunakan media sosial, hebahan turut dilakukan menerusi kaedah surat jemputan kepada pelanggan rujuk Rajah 3.2.8 (**Bukti 4**) untuk menyertai projek-projek yang dilaksanakan. Bukan itu sahaja, bagi melancarkan lagi proses mengenalpasti kumpulan sasaran, pelantikan ahli jawatankuasa dalam kalangan staf UiTMCNS rujuk Rajah 3.2.9 (**Bukti 4**) turut dilaksanakan. Ini bagi memastikan, penjana pendapatan UiTMCNS dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2021 di samping dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan UiTMCNS.

UiTMCNS sentiasa peka kepada kehendak pelanggan atau pihak berkepentingan dengan mengambil kira jangkaan pelanggan ke atas kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan. Selaras dengan pencapaian objektif kualiti yang menitikberatkan keseluruhan pemegang taruh, perhatian sewajarnya diutamakan bagi memastikan semua yang terlibat dapat merealisasikan misi serta objektif yang telah dilakar. UiTMCNS turut melebarkan sayapnya dengan membuka ruang kepada para pelanggan dari luar negara untuk menyertai projek-projek yang telah dilaksanakan oleh UiTMCNS dan antaranya melibatkan negara jiran seperti Thailand dan juga Indonesia rujuk Rajah 3.2.10 dan Rajah 3.2.11 (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_T01_TB02_20221_UiTMCNS_3.2.1 TMPUAN PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB02_20222_UiTMCNS_3.2.2 PENJANAAN PENDAPATAN.pdf](#)

3. [K0057_T01_TB02_20223_UiTM CNS_3.2.3 PENDEKATAN YANG DILAKSANAKAN.docx.pdf](#)
4. [K0057_T01_TB02_20224_UiTM CNS_3.2.4 SURAT LANTIKAN DAN SURAT JEMPUTAN.pdf](#)
5. [K0057_T01_TB02_20225_UiTM CNS_3.2.5 PELANGGAN LUAR NEGARA.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data pelanggan UiTMCNS direkodkan secara sistematik supaya setiap aduan atau maklum balas dapat diselaraskan dengan efisien dan efektif. Bagi memastikan objektif penulisan AKNC 2021 yang memilih bidang tujahan Pengurusan Kewangan dengan tema Choosing to be Different, UiTMCNS telah menetapkan dua kumpulan kluster utama iaitu RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS rujuk Jadual 3.3.1 (**Bukti 1**).

Setiap kluster ini melibatkan penyertaan daripada ketiga-tiga buah kampus iaitu Kuala Pilah, Seremban dan Rembau. Sepanjang tahun 2021, UiTMCNS komited dalam melaksanakan projek-projek ini bagi membantu menjana pendapatan universiti melalui pejabat Bendahari UiTM cawangan. Secara amnya, pelanggan terbahagi kepada dua iaitu pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Data pelanggan dalaman dikenalpasti daripada Student Portal (kluster TRAIN@UiTMCNS), i-Staff Portal dan HR2U sebaliknya data pelanggan luaran dikenalpasti daripada Pejabat Pentadbiran dan Pejabat HEP (kluster RENT@UiTM dan kluster TRAIN@UiTMCNS) rujuk Rajah 3.3.1 (**Bukti 2**).

Pelbagai kaedah perluasan maklumat dilaksanakan agar informasi yang hendak disalurkan sampai kepada pelanggan dan kelompok sasaran. Antara kaedah perluasan program termasuklah emel, website rasmi UiTMCNS, Facebook dan media sosial rujuk Rajah 3.3.2 (**Bukti 3**).

Di akhir projek, maklum balas daripada setiap pelanggan dikumpul dan digunakan sebagai dapatan. Maklum balas terhadap keberkesanan program diukur melalui borang penilaian yang diedarkan kepada setiap peserta projek. Maklum balas ini penting bagi mengenalpasti sebarang masalah termasuk cadangan penambahbaikan di masa hadapan. Rujuk Rajah 3.3.3 (**Bukti 4**).

Hasil aduan atau maklum balas pelanggan dianalisa dan dibentangkan dalam MKSP dan Mesyuarat JKEN rujuk Rajah 3.3.4 (**Bukti 5**). Hal ini penting agar UiTMCNS dapat melakukan pemantauan dan penambahbaikan dalam menjamin kualiti perkhidmatan seterusnya mencapai kepuasan pelanggan yang optimum pada masa mendatang.

Sinergi di antara UiTMCNS dengan pelanggan dicapai menerusi pencapaian UiTMCNS dengan mendapat pengiktirafan enam bintang dengan skor 100 peratus. Malah, kejayaan ini turut mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada pelanggan luaran iaitu daripada universiti-universiti luar negara rujuk Rajah 3.3.5 (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_T01_TB03_20221_UiTMCNS_3.3.1_Kaedah_pengumpulan_data_pelanggan.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB03_20222_UiTMCNS_3.3.2_Kaedah_perluasan_projek.pdf](#)
3. [K0057_T01_TB03_20223_UiTMCNS_3.3.3_Analisa_dan_hasilan_maklumbalas_pelanggan.pdf](#)
4. [K0057_T01_TB03_20224_UiTMCNS_3.3.4_Minit_Mesyuarat_JKEN.pdf](#)
5. [K0057_T01_TB03_20225_UiTMCNS_3.3.5_Maklumbalas_penghargaan_pelanggan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Ini dapat dilihat melalui pelaporan bulanan pencapaian inisiatif PI oleh Pengarah Projek seperti dalam Rajah 3.4.1.1 (**Bukti 1**) kepada Rektor. Penglibatan pengurusan tertinggi dalam proses pemantauan dan penambahbaikan telah dilakukan secara strategik, berkala dan sistematik menerusi penglibatan pihak yang terlibat. Siri perjumpaan dan mesyuarat dengan pihak yang berkepentingan telah dijalankan sebanyak 4 kali pada tahun 2021 seperti yang tercatat dalam minit mesyuarat Rajah 3.4.1.2. (**Bukti 2**). Pelan pemantauan ini secara khususnya meliputi pelaporan aktiviti serta hasilan aduan maklum balas pelanggan terhadap tahap keberkesanan penganjuran yang dapat diperlihatkan dalam Rajah 3.3.3 (**Bukti 3**) sesuatu aktiviti atau perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan UiTMCNS yang terdiri daripada pelajar, staf UiTM, pembekal, pihak industri, rakan usahasama, masyarakat dan pihak berkepentingan yang lain.

Pihak UiTM Cawangan Negeri Sembilan sentiasa peka kepada kehendak pelanggan atau pihak berkepentingan dengan mengambil kira jangkaan pelanggan ke atas kemudahan atau dan perkhidmatan yang disediakan kepada pihak UiTMCNS. Melalui pelaporan tersebut seperti dalam Rajah 3.3.3 (**Bukti 3**), pimpinan kanan UiTMCNS dapat menilai dan merangka beberapa perancangan dalam memantapkan lagi aktiviti bidang tumpuan pengurusan kewangan seperti yang tercatat dalam Rajah 3.4.1.3 (**Bukti 4**) tindakan yang dicadangkan untuk menyokong pelaksanaan aktiviti yang berkaitan.

Pihak UiTM Cawangan Negeri Sembilan sentiasa mengamalkan mesra pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menyediakan pelbagai ganjaran kepada pelanggan bagi mengekalkan hubungan baik sesama pelanggan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh UiTMCNS.

Perancangan kewangan yang bijak dalam menilai kedudukan kewangan semasa, menetapkan matlamat pada awal tahun dengan menyediakan, melaksana dan memantau serta menilai pelan kewangan oleh pihak pengurusan eksekutif UiTMCNS membolehkan UiTMCNS memperkenalkan beberapa faedah dan kebaikan kepada pelanggan seperti yang tertera dalam Jadual 3.4.1.1 (**Bukti 1**) dalam usaha menjadikan UiTMCNS sebagai sebuah Universiti yang dapat menguruskan kewangan dengan cemerlangnya.

Untuk memastikan pemakluman atau penyampaian maklumat kepada pihak berkepentingan dapat disalurkan dengan berkesan, beberapa media atau platform telah digunakan seperti yang tertera dalam Rajah 3.2.3 (**Bukti 5**) di atas.

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_T01_TB04_TC01_20221_UITMCNS_3.4.1_PENCAPAIAN_INISIATIF.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB04_TC01_20222_UITMCNS_3.4.1_MINIT_MESYUARAT.pdf](#)
3. [K0057_T01_TB04_TC01_20223_UITMCNS_3.4.1_ADUAN_MAKLUM_BALAS_PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0057_T01_TB04_TC01_20224_UITMCNS_3.4.1_TINDAKAN_PENAMBAHANBAIKAN.pdf](#)
5. [K0057_T01_TB04_TC01_20225_UITMCNS_3.4.1_FAEDAH_DAN_KAEDAH_PENDEKATAN KEPADA_PELANGGAN.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UITMCNS telah mengenalpasti risiko yang dihadapi melalui model PDCA untuk tumpuan pelanggan dan saluran aduan atau maklum balas yang bersepadu dan sistematik seperti dinyatakan dalam Jadual 3.4.2.1 (**Bukti 1**).

Maklumat penyediaan risiko diperoleh dan dikumpul bagi tujuan pemantauan serta kawalan memandangkan risiko menjadi satu ancaman yang boleh mengganggu kelancaran pengurusan dan pengoperasian pengurusan kewangan UiTMCNS sekiranya tidak ditangani dengan baik dan efisien. Oleh itu, langkah strategik, proaktif, preventif dan sistematik telah diambil bagi mengenalpasti risiko yang mampu menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan sesuatu aktiviti yang bakal disusuli daripada maklum balas pelanggan dengan mendapatkan maklumat mengenai jangkaan risiko dari setiap unit yang berkaitan di UiTMCNS seperti dalam Rajah 3.4.2.1 (**Bukti 2**).

Antara risiko yang dikenalpasti, banyak aktiviti tidak dapat dilaksanakan dan terpaksa ditunda ekoran daripada pandemik COVID-19 yang telah melanda negara Malaysia. Ini serba sedikit telah menjejaskan ketidakpuasan pelanggan terhadap aktiviti yang direncanakan serta dilaksanakan. Walau bagaimanapun, tindakan agresif dan kebijaksanaan pihak pengurusan tertinggi UITMCNS dalam menangani risiko pelanggan dapat dilakarkan dan diperlihatkan dalam Rajah 3.4.2.2 (**Bukti 3**) yang menggambarkan faktor-faktor risiko tersebut dan tindakan pengurangan terhadap risiko-risiko yang dikenalpasti.

Penambahbaikan kepada risiko dan tindakan risiko yang dinyatakan telah dianalisa maklumbalas pelanggan dan tindakan yang diambil mengikut carta alir pengurusan risiko seperti dalam Rajah 3.4.2.3 (**Bukti 4**). Risiko yang telah dikenalpasti ini telah dibawa dan dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dan seterusnya diperincikan dalam perancangan strategik UiTMCNS 2021 seperti yang tertera dalam Rajah 3.4.2.4 (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_T01_TB04_TC02_20221_UITMCNS_3.4.2_SALURAN_MAKLUM_BALAS.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB04_TC02_20222_UITMCNS_3.4.2_PELAPORAN_RISIKO.pdf](#)
3. [K0057_T01_TB04_TC02_20223_UITMCNS_3.4.2_MODEL_RISIKO_PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0057_T01_TB04_TC02_20224_UITMCNS_3.4.2_PENGOPERASIAN_PENGURUSAN_RISIKO.pdf](#)
5. [K0057_T01_TB04_TC02_20225_UITMCNS_3.4.2_MINIT_MESYUARAT_PENGURUSAN_RISIKO.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kesemua maklum balas pelanggan berlandaskan kepada risiko yang telah dikenalpasti, diikuti dengan hasil analisa maklum balas yang telah dibenteng dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak dua kali setahun yang mana ia telah menjadi salah satu prosedur wajib kepada UiTMCNS sebagai satu langkah pelaksanaan dan perancangan kepada pengurusan risiko. Amalan terbaik hasil daripada mesyuarat MKSP ini akan dikongsikan kepada semua warga UiTMCNS sebagai satu pendekatan ke arah penambahbaikan dan pembelajaran berterusan. Pemantauan pencapaian oleh Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik UiTMCNS telah meningkatkan keupayaan pengurusan UiTMCNS untuk tindakan kepada maklum balas dan aduan pelanggan secara efisien seperti yang dipamerkan dalam Jadual 3.4.3.1 (**Bukti 1**).

Hasilnya, keberkesanan pengurusan risiko dalam perancangan pencapaian maklum balas pelanggan telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan seterusnya disematkan kepada perancangan strategik UiTMCNS 2021.

Pihak pengurusan UiTMCNS bertindak aktif kepada semua maklum balas dan aduan pelanggan. Proses pengurusan aduan maklumat pelanggan dilaksanakan secara sistematik berpandukan kepada prosedur pengendalian aduan dan maklum balas. Carta alir bagi proses pengurusan aduan maklumat pelanggan adalah seperti yang ditunjukkan di Rajah 3.4.3.1 (**Bukti 2**).

Bagi mengukuhkan bidang tumpuan kewangan, UiTMCNS telah menganjurkan mesyuarat secara berkala sepanjang tahun (Januari hingga Disember) dengan kekerapan yang konsisten melalui Sistem e-Mesyuarat UiTMCNS. Antara mesyuarat yang dilaksanakan oleh UiTMCNS adalah (senaraikan mesyuarat yang berkaitan / melibatkan Bendahari / kewangan).

Analisa daripada tumpuan pelanggan menjadi salah satu agenda yang dibentangkan bagi meningkatkan kualiti pengurusan kewangan UiTMCNS. Di akhir setiap sesi mesyuarat, pihak pengurusan eksekutif UiTMCNS akan memberikan ruang bagi sesi soal jawab dan lontaran idea daripada pelanggan UiTMCNS (senarai mesyuarat yang berkaitan dengan pelanggan yang terlibat) dan seterusnya maklum balas secara langsung dan telus terhadap sebarang permasalahan atau persoalan dapat dibincangkan secara bersama.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_T01_TB04_TC03_20221_UITMCNS_3.4.3 JENIS RISIKO DAN PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB04_TC03_20222_UITMCNS_3.4.3 PENGURUSAN ADUAN.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tumpuan pelanggan diambilkira melalui laporan program dan analisa maklum balas pelanggan bagi setiap program yang telah dianjurkan. Daripada projek yang dianjurkan, maka terhasillah beberapa inovasi atau pendekatan baharu dalam meningkatkan lagi tahap kualiti perkhidmatan.

RENT@UiTMCNS dilihat sebagai satu kluster yang berinovasi mengikut keadaan semasa yang banyak menggunakan medium dalam talian. Contohnya iklan perkhidmatan sewaan studio dan peralatan penyiaran yang dilaksanakan melalui medium website dan media sosial UiTMCNS. Rujuk Rajah 3.5.1 hingga Rajah 3.5.4 (**Bukti 1**).

Selain itu, terdapat pelbagai lagi jenis sewaan di bawah kluster RENT@UiTMCNS kepada organisasi luar seperti sewaan dewan untuk kegunaan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Rujuk Rajah 3.5.5 (**Bukti 1**).

Antara inovasi yang dicapai oleh pihak UiTMCNS adalah melalui kluster TRAIN@UiTMCNS adalah menerusi penganjuran kali pertama *1st International Conference On Educational, Innovation And Adat Perpatih 2021 (ICEIAP2021)* secara dalam talian dengan melibatkan pelbagai organisasi dari dalam dan luar negara. Menerusi tema '*Empowering Research On Education, Innovation and Dignification of Adat Perpatih*' program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 252 peserta untuk turut terlibat dalam konferensi ini. Rujuk Rajah 3.5.5 hingga Rajah 3.5.7. (**Bukti 2**)

ICEIAP 2021 telah memberi banyak faedah kepada para pendidik, penyelidik tempatan, pengamal Adat Perpatih serta masyarakat melalui aktiviti pembentangan kertas kerja penyelidikan, bertukar-tukar pendapat mengenai ilmu dan inovasi baharu dalam pendidikan, serta budaya Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan.

Inovasi seterusnya melibatkan Program Pengacaraan Era Digital atau lebih dikenali sebagai P.E.D. Program yang julung kalinya diadakan ini adalah dirumus khas untuk memperkenalkan pengaplikasian konsep pengacaraan zaman digital dengan menggunakan medium dalam talian menerusi sistem *Open Broadcaster Software (OBS)*. Rujuk Rajah 3.5.8 hingga Rajah 3.5.10 (**Bukti 3**).

UiTMCNS juga telah menganjurkan Pertandingan "*Negeri Sembilan International Exposition*" (NSIEx2021) yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan mengetengahkan hasil inovasi dan penyelidikan kepada masyarakat menerusi pertandingan rekacipta dan inovasi serta pameran sains dan teknologi. Penyertaan yang diterima adalah sebanyak 121 kumpulan yang meliputi Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan, Maktab, Politeknik, Kolej Komuniti dan juga IPTA / IPTS dari dalam dan luar negara. Rujuk Rajah 3.5.11 hingga Rajah 3.5.13 (**Bukti 4**).

Kredibiliti UiTMCNS dalam inovasi yang menjurus kepada agenda tumpuan pelanggan dapat dibuktikan melalui pengiktirafan kepada pencapaian 6 bintang dan skor 100% dalam *UiTM Performance Indicator (PI)* kampus bagi tahun 2021. Rujuk Rajah 3.5.14 hingga Rajah 3.5.18 (**Bukti 5**).

Tumpuan pelanggan dilihat sebagai satu tunjang utama ke arah pencapaian dan kecemerlangan UiTMCNS bagi tahun 2021. Pemfokusan kepada kumpulan kluster RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS telah berjaya membawa UiTMCNS ke satu tahap yang memberangsangkan dengan penarafan 6 bintang diberikan hasil daripada kerjasama yang baik antara UiTMCNS bersama semua pemegang taruh yang terlibat. Keberkesanan bagi pengurusan pelanggan telah dikupas dan dibincangkan secara terperinci dalam kriteria seterusnya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_T01_TB05_20221_UiTM CNS_3.5.1 Inovasi Sewaan Studio.pdf](#)
2. [K0057_T01_TB05_20222_UiTM CNS_3.5.2 Inovasi ICEIAP 2021.pdf](#)
3. [K0057_T01_TB05_20223_UiTM CNS_3.5.3 Inovasi P.E.D.pdf](#)
4. [K0057_T01_TB05_20224_UiTM CNS_3.5.4 Inovasi NSIEX 2021.docx.pdf](#)
5. [K0057_T01_TB05_20225_UiTM CNS_3.5.5 Pencapaian 6 Bintang UiTM CNS.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan slogan ***Choosing to be Different*** adalah berpandukan kepada model PDCA iaitu “Plan”, “Do”, “Check”, dan “Act”. Bagi pengurusan kewangan, UiTMCNS telah menyediakan instrumen pengukuran yang relevan bagi mewujudkan pengurusan kewangan yang mampan dan lestari. Data yang dikumpul seterusnya akan dianalisa dan disebar luas bagi tindakan pemantauan, penambahbaikan serta inovasi. Terdapat dua kluster yang diukur dan dianalisa iaitu **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS**. Dibawah dua kluster ini, terdapat sepuluh aktiviti yang dijalankan untuk penjaan pendapatan (rujuk Kriteria 2).

Kluster RENT@UiTMCNS merupakan pendapatan yang dijana melalui penyewaan aset dan ruang (studio, makmal, dewan, bilik kuliah) di UiTMCNS meliputi Kampus Kuala Pilah (Rent2U@Pilah), Seremban (Rent2U@Seremban) dan Rembau (Rent2U@Rembau). Manakala kluster TRAIN@UiTMCNS merupakan penjaan pendapatan melalui program pendidikan dan latihan yang mensasarkan staf, komuniti dan organisasi luar. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Negeri Sembilan International Exposition 2021 (NSIEx), Pengacaraan Era Digital, 1st International Conference on Education Innovation and Adat Perpatih 2021 (ICEIAP 2021) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pendekatan yang digunakan bagi mengukur pencapaian bagi kedua-dua kluster adalah berdasarkan petunjuk prestasi perancangan strategik UiTMCNS 2021. Bagi memastikan audit kewangan tercapai maka setiap PTJ telah melaksanakan pengurusan kewangan dengan berintegriti. PTJ yang terlibat bagi mencapai objektif tersebut ialah Bendahari, Rektor, Timbalan Rektor HEA, Timbalan Rektor HEP, Timbalan Rektor PJIM&A dan staf akademik. Data yang diperolehi dari kedua-dua kluster ini dikumpul melalui beberapa kaedah yang bersesuaian bagi tujuan analisa dan penilaian pencapaian aktiviti yang dijalankan. Penilaian aktiviti dibawah dua kluster ini telah dilaksanakan menerusi beberapa instrumen penilaian iaitu melalui accountability indeks oleh Jabatan Akauntan Negara, laporan audit, minit mesyuarat, laporan kewangan dan laporan audit bersih (perolehan dan pelaporan akaun).

Pengumpulan dan penganalisaan data dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun bagi memastikan pencapaian semua aktiviti dibawah dua kluster mengikut fasa yang ditetapkan. Pencapaian aktiviti dibawah dua kluster juga dilaporkan kepada Rektor secara berkala menerusi PI achievement report. Minit mesyuarat dan laporan aktiviti digunakan untuk mengukur pencapaian setiap aktiviti bagi memenuhi sasaran PI. Proses pemantauan dimulakan dengan mengukur mekanisme yang dikenalpasti bagi setiap aktiviti, menganalisa data, mengadakan mesyuarat berkala dan membuat laporan. Hasil daripada pemantauan aktiviti dibawah dua kluster akan dibentangkan dalam mesyuarat utama untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Data yang diterima akan dianalisa bagi tujuan pengukuran keberkesanan aktiviti dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan tadbir urus kampus di samping memastikan objektif kualiti UiTMCNS dan petunjuk prestasi kampus tercapai.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berikut adalah ukuran yang digunakan untuk mengukur pencapaian bagi dua kluster iaitu RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS:

Rajah 4.2.1 menunjukkan dua petunjuk prestasi perancangan strategik UITMCNS 2021 iaitu **PI113** bagi penjanaaan pendapatan bagi Kluster RENT@UiTMCNS dan **PI123** bagi penjanaaan pendapatan daripada program pendidikan dan latihan (**Bukti 1**).

Manakala Rajah 4.2.2 (**Bukti 1**) menunjukkan empat jawatankuasa yang terlibat dalam mengurus dan mengawal pengurusan kewangan UiTMCNS. Empat jawatankuasa tersebut terdiri daripada jawatankuasa pengurusan kewangan dan akaun (JPKA), jawatankuasa penjanaaan pendapatan, jawatankuasa ruang niaga dan taskforce penjanaaan pendapatan kampus.

Jadual 4.2.1 (**Bukti 2**) menunjukkan mekanisme pengukuran yang digunakan bagi mengukur aktiviti bagi setiap petunjuk prestasi PI113 dan PI124. Mekanisma pengukuran aktiviti ini terbahagi kepada 2 iaitu melalui mesyuarat dan pelaporan bagi dua kluster untuk mencapai objektif penjanaaan pendapatan yang telah ditetapkan oleh UITMCNS. Manakala, Jadual 4.2.2 (**Bukti 3**) menjelaskan secara terperinci berkaitan maklumat aktiviti, tarikh, bilangan mesyuarat, platform yang digunakan dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti, aktiviti promosi yang terlibat serta bajet dan hasil penjanaaan pendapatan.

Setiap aktiviti bagi Kluster TRAIN@UITMCNS telah menggunakan kaedah pengukuran melalui minit mesyuarat yang diadakan bagi membincangkan perjalanan dan pelaksanaan setiap aktiviti. Bagi tujuan untuk mempromosikan setiap aktiviti ini, pengiklanan melalui website, email dan poster telah dibuat. Setiap aktiviti telah mendapat kelulusan bajet dari pihak bendahari. Penjanaaan pendapatan daripada aktiviti ini dilaporkan kepada pihak bendahari melalui laporan pelarasan penjanaaan pendapatan aktiviti.

Bagi Kluster RENT@UiTMCNS, pihak bendahari telah menggunakan kaedah pengukuran melalui mesyuarat bagi membincangkan berkaitan dengan pelaporan penjanaaan pendapatan secara berkala (**Bukti 4**). Ianya bagi proses pemantauan untuk mengukur prestasi kewangan semasa aktiviti kluster RENT@UiTMCNS. Maklumat yang dikumpulkan dan dianalisa adalah berkaitan dengan bilangan pelanggan, jumlah bayaran dan tunggakan yang terkumpul. Hasil maklumat dari analisa data ini diguna pakai oleh pejabat bendahari di ketiga-tiga kampus.

Data yang dikumpul akan dianalisa secara bulanan oleh pejabat bendahari. Seterusnya, ia akan dibentangkan pada mesyuarat JKEN yang diadakan secara dwi bulanan. Pembentangan dilakukan oleh bendahari kanan kepada ahli JKEN (**Bukti 5**). Hasil pembentangan ini akan dibincangkan bagi tujuan penambahbaikan. Pada tahun 2021, prestasi kewangan bagi Kluster RENT@UiTMCNS didapati mengikut milestone yang telah ditetapkan (Rujuk Kriteria 7: Hasil prestasi kewangan).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_A01_AB02_20221_UITMCNS_4.2.1_Bukti_1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB02_20222_UITMCNS_4.2.2_Bukti_2.pdf](#)
3. [K0057_A01_AB02_20223_UITMCNS_4.2.3_Bukti_3.pdf](#)
4. [K0057_A01_AB02_20224_UITMCNS_4.2.4_Bukti_4.pdf](#)
5. [K0057_A01_AB02_20225_UITMCNS_4.2.5_Bukti_5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Metodologi yang digunakan bagi melaksanakan penilaian bagi dua kluster iaitu RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMNS adalah seperti berikut (**Bukti 1**):

1. Mewujudkan Jawatankuasa bagi setiap projek yang dilaksanakan.
2. Melaksanakan mesyuarat berkala setiap minggu atau bulan.
3. Melaksanakan promosi menerusi platform atas talian iaitu Telegram, Facebook, Instagram, Whatsapp, hebahan media menerusi radio Negeri.fm dan organisasi media yang lain.

Bagi mencapai objektif pelan perancangan strategik, UiTMCNS menggunakan kaedah komunikasi dua hala dengan menyampai dan menyebarkan maklumat kepada warga UiTMCNS. Penyampaian maklumat sebegini lebih jelas dan bersistematik. Kaedah ini dapat membantu pihak atasan dalam memberi arahan kepada pegawai yang bertanggung jawab terhadap setiap aktiviti yang dilaksanakan. Ia juga memberi peluang kepada para pegawai memberi pandangan serta cadangan kepada pihak atasan mengenai sesuatu perkara yang berbangkit. Jadual 4.3.1 (**Bukti 2**) menunjukkan ringkasan metodologi yang digunakan dalam pengumpulan dan penilaian data bagi aktiviti dibawah Kluster TRAIN@UITMCNS.

Semua kaedah pelaporan seperti minit mesyuarat , laporan program dan laporan penjanaan pendapatan yang dibuat dihantar kepada pihak jawatankuasa JKEN untuk mendapatkan pengesahan dan kelulusan bagi aktiviti yang telah dilaksanakan. Manakala, borang soal-selidik diedarkan kepada setiap peserta pada sesi terakhir dan hasil maklumbalas para peserta dilaporkan di dalam laporan aktiviti. Borang soal-selidik ini digunakan bagi mengukur tahap keberkesanan aktiviti serta kepuasan hati peserta yang menyertai setiap aktiviti yang dijalankan. Borang ini boleh dicapai melalui pautan google drive yang diberikan kepada setiap peserta. Surat penghargaan dan sijil penyertaan peserta akan diberikan kepada semua yang terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Semua bukti pelaporan ini boleh dirujuk dalam **Bukti 1**. Manakala, hasil bagi setiap penjanaan pendapatan yang diperolehi akan dilaporkan ke pihak bendahari melalui laporan penjanaan pendapatan apabila program telah selesai dilaksanakan (**Bukti 3**).

Jadual 4.3.2 menunjukkan ringkasan aktiviti sewaan yang dijalankan dibawah Kluster RENT@UiTMCNS. Ketiga-tiga kampus dibawah UiTMCNS terlibat didalam aktiviti ini. Sewaan melibatkan ruang-ruang strategik yang terdapat di Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau (**Bukti 4**). Maklumat terperinci bagi penjanaan pendapatan ruang sewa boleh dirujuk di **Bukti 5**.

Bagi Kluster RENT@UiTMCNS, pengumpulan dan penganalisaan data yang diperolehi hasil daripada projek yang dilaksanakan oleh urusetia dan unit bertanggungjawab. Kekerapan pengumpulan dan penganalisaan data dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun bagi memastikan pencapaian projek mengikut fasa yang ditetapkan. Pencapaian projek juga dilaporkan kepada Rektor secara berkala setiap bulan (PI achievement report). Data yang diterima dianalisa bagi tujuan pengukuran keberkesanan projek dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan tadbir urus kampus di samping memastikan objektif kualiti UiTMCNS dan petunjuk prestasi kampus tercapai.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_A01_AB03_20221_UiTMCNS_4.3.1 Bukti 1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB03_20222_UiTMCNS_4.3.2 Bukti 2.pdf](#)
3. [K0057_A01_AB03_20223_UiTMCNS_4.3.3 Bukti 3.pdf](#)
4. [K0057_A01_AB03_20224_UiTMCNS_4.3.4 Bukti 4.pdf](#)

5. [K0057_A01_AB03_20225_UiTMCNS_4.3.5 Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi mengenalpasti prestasi Kluster RENT@UiTM CNS dan TRAIN@UiTM CNS beberapa perkara dilaksanakan antaranya ialah melaksanakan pemantauan melalui laporan pemantauan berkala yang dikemukakan oleh AJK semasa mesyuarat dilaksanakan. Mesyuarat dan laporan digunakan untuk mengukur pencapaian setiap projek bagi memenuhi sasaran PI.

Proses pemantauan dimulakan dengan mengukur mekanisme yang dikenalpasti bagi setiap projek, menganalisa data, mengadakan mesyuarat berkala dan membuat laporan. Hasil daripada pemantauan dibentangkan di dalam mesyuarat utama bagi tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Analisa data dari borang maklumbalas peserta yang mengambil bahagian juga turut dilaksanakan bagi mengenalpasti prestasi aktiviti dan langkah penambahbaikan yang harus dilaksanakan.

Di dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi, setiap ketua bahagian dan pengarah aktiviti atau pasukan perlu membentangkan laporan pencapaian aktiviti kepada Rektor (**Bukti 1**). Bagi memastikan semua maklumat dan data dapat dikumpulkan dan dianalisa dengan efisien, pegawai yang bertanggung jawab perlu memuat naik maklumat pencapaian data PI bahagian masing-masing ke dalam pautan google drive yang disediakan oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU). Pemantauan pencapaian projek dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut keperluan aktiviti. Maklumat berkaitan data PI boleh dicapai melalui pautan Google Drive berikut:

https://drive.google.com/drive/folders/1WIN_Yk0ZReP3Vtg9SZvGEQvLknCFs8wM?usp=sharing.

Terdapat empat mesyuarat utama yang dijalankan sepanjang tahun 2021 bagi memantau pencapaian projek (**Bukti 2**). Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan Pendapatan contohnya, pemegang PI utama membentangkan laporan pencapaian aktiviti dan membuat perbandingan dengan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan bagi mengenalpasti sejauh mana pencapaian telah dicapai. Dengan ini, risiko bagi pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dapat dikenalpasti dan ditangani. Seterusnya, *PI Achievement Report* yang dikumpul dan dianalisa oleh Unit STU dibentangkan di dalam mesyuarat utama UiTM CNS (**Bukti 3**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_A01_AB04_AC01_20221_UITMCNS_4.4.1.1_BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB04_AC01_20222_UITMCNS_4.4.1.2_BUKTI 2.pdf](#)
3. [K0057_A01_AB04_AC01_20223_UITMCNS_4.4.1.3_BUKTI 3.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan aspek yang signifikan yang perlu dikenalpasti dan diuruskan oleh setiap PTJ untuk mencapai objektif setiap proses. Menyedari fakta ini, UiTMCNS telah mengenal pasti risiko bidang tujuhan serta menyenaraikan tindakan pencegahan risiko yang bersesuaian.

Setiap data yang dikumpul dianalisa bagi mengenalpasti jurang kekuatan dan kelemahan tadbir urus pemegang utama PI dalam mencapai sasaran. Setelah analisa data dilakukan, UiTMCNS telah mengenal pasti dan menyenaraikan tiga punca risiko utama pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan iaitu dokumentasi, masa dan sumber manusia (**Bukti 1**).

Bagi dokumentasi, terdapat risiko dimana proses kerja yang tidak lengkap berikutan kekangan masa, tempat dan capaian. Sebagai contoh, borang maklumbalas aktiviti mungkin tidak dapat dicapai oleh peserta aktiviti yang tinggal jauh dari kampus yang menjalankan aktiviti. Bagi aspek masa, risiko yang mungkin terhasil ialah pembatalan atau kelewatan penganjuran aktiviti. Akhir sekali, sumber manusia juga boleh menyumbang kepada risiko ketidakupayaan mengumpul, analisa dan penyerbaluasan data penting UiTMCNS bagi mencapai bidang tujuhan.

Berdasarkan tiga punca utama risiko yang dikenal pasti, UiTMCNS menganalisa aktiviti-aktiviti dibawah dua kluster untuk mengenal pasti beberapa risiko yang mungkin berlaku dan seterusnya merencatkan proses pengumpulan, analisa dan penyebarluasan data bagi membantu mencapai objektif UiTMCNS. Seterusnya tindakan pencegahan risiko dirancang dan dijalankan bagi meminimalkan risiko yang telah dikenal pasti (Bukti 2).

Sebagai contoh, antara risiko yang dihadapi oleh UiTMCNS ialah ketidakupayaan mengadakan mesyuarat berkala berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2021. Impak risiko ini ialah pemantauan dan penyebarluasan data tidak dapat dijalankan secara sistematik. bagi meminimalkan risiko ini, UiTMCNS telah berinovasi dengan mengadakan mesyuarat secara atas talian menggunakan platform digital. Jadual 4.4.2.1 memperincikan risiko, punca risiko,impak risiko, tindakan pencegahan dan pegawai bertanggung jawab bagi memastikan proses pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dapat dijalankan dengan sistematik dan berkesan (**Bukti 2**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_A01_AB04_AC02_20221_UITMCNS_4.4.2.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB04_AC02_20222_UITMCNS_4.4.2.2 BUKTI 2.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula adalah penting bagi memastikan penambahbaikan berterusan dilakukan. Bagi memastikan objektif aktiviti dibawah kedua kluster tercapai, UiTMCNS menjalankan tindakan kaji semula secara sistematik.

Data-data yang dikumpul disebarluaskan melalui mesyuarat dan pembentangan berkaitan. Seterusnya penambahbaikan dapat dijalankan berlandaskan fakta dan data yang telah dianalisa. Selain itu, pencapaian masa hadapan dapat diselaraskan berdasarkan kajian terhadap permasalahan dan penambahbaikan yang dikenalpasti pada pencapaian semasa. Ini dilakukan dengan menilai semula setiap elemen dalam petunjuk prestasi utama (**Bukti 1**).

Hasil penganalisaan data juga digunakan untuk menambah baik prestasi UiTMCNS secara keseluruhannya. Secara tuntas, semua data dan maklumat disemak, dianalisa ditentukan prestasi mengikut tahap keperluan untuk proses pemantauan dan penambahbaikan berterusan seperti yang dipaparkan di dalam **Bukti 2**.

Hasil dari penyebaran data, beberapa langkah yang dicadangkan bagi tindakan penambahbaikan bagi aktiviti yang telah dijalankan bagi masa akan datang. Penambahbaikan yang dijalankan merupakan tindakan yang berinovasi dan proaktif bagi memastikan objektif aktiviti dibawah kedua-dua kluster tercapai. Antara tindakan penambahbaikan yang telah dijalankan ialah:

1. Meneruskan aktiviti atau program pada masa akan datang bagi memberi peluang peserta bagi menambah pengetahuan sediaada.
2. Menjalinkan kerjasama dengan agensi atau pihak yang berkaitan bagi mendapatkan tajaan dan penajaan kewangan yang baik.
3. Mempastikan promosi dibuat secara menyeluruh dan mencapai golongan sasaran bagi setiap aktiviti yang akan dijalankan.
4. Menggunakan platform digital yang mudah dicapai dan peserta boleh berinteraksi dengan baik sepanjang program dijalankan.
5. Menyediakan bahan rujukan yang kreatif dan boleh dicapai secara digital.
6. Membuka penyertaan dari peserta dan pembentang yang lebih ramai lagi untuk berkongsi ilmu.
7. Meneruskan persidangan ini pada tahun-tahun akan datang.
8. Menyediakan bahan pembentangan dengan lebih jelas dan kreatif.
9. Menggalakkan kolaborasi bersama lebih banyak universiti di dalam dan luar negara.
10. Meningkatkan kualiti video pembentang dan audio.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_A01_AB04_AC03_20221_UITMCNS_4.4.3.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB04_AC03_20222_UITMCNS_4.4.3.2 BUKTI 2.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCNS telah melaksanakan proses pengukuran, penganalisaan dan pengurusan data, pemantauan pencapaian petunjuk prestasi, mengenal pasti risiko yang terlibat dan menambah baik proses kerja, supaya objektif petunjuk prestasi dan PI dapat dicapai dengan lebih sistematik. Rajah 4.5.1 (**Bukti 1**) menjelaskan proses kerja yang telah dilakukan di UiTMCNS bagi memastikan objektif pelan strategik tercapai.

Hasil daripada keberkesanan proses kerja yang telah dilakukan, UiTMCNS membudayakan perkongsian maklumat dan informasi kepada seluruh warga UiTMCNS. Bagi tujuan ini, UiTMCNS telah memaksimumkan penggunaan emel rasmi dan aplikasi whatsapp. Semua pemakluman berkenaan aktiviti yang akan, sedang dan telah dilaksanakan disebar luas melalui medium tersebut (**Bukti 2**). **Bukti 2** menunjukkan contoh emel ucapan tahniah dari bahagian transformasi universiti dan contoh surat ucapan tahniah dari universiti luar.

Selain itu, pelbagai inovasi telah terhasil melalui proses-proses yang telah dijalankan berkaitan pengumpulan, analisa, dan penyebarluasan data. Inovasi yang dihasilkan berlandaskan data yang telah diperolehi dan bertujuan untuk menambahbaik aktiviti semasa serta masa akan datang. Antara inovasi yang terhasil adalah e-borang, bahan kursus secara digital, dan menjalankan aktiviti dan pemantauan melalui platform digital. Sebagai contoh Rajah 4.5.2 menunjukkan sesi Perbincangan Sasaran KPI-PI 2021 BTU dan Pengurusan UiTMCNS (**Bukti 3**).

Perancangan yang jelas dan terperinci telah membantu bagi pencapaian hasil yang disasarkan. Pembahagian jalur masa bagi setiap aktiviti dibuat agar objektif bagi sasaran penjana pendapatan dapat dicapai dalam tempoh waktu yang ditetapkan. **Bukti 4** menerangkan berkenaan pelan perancangan aktiviti penjana pendapatan UiTMCNS bagi tahun 2021. Berdasarkan laporan prestasi perancangan strategik UiTMNS 2021, kedua program yang dirancang iaitu RENT@UiTMCNS dan TRAIN@UiTMCNS telah berjaya mencapai 100% objektif bagi penjana pendapatan UiTMCNS 2021. Bagi pencapaian petunjuk Prestasi UiTMCNS 2021 ini boleh dirujuk di **Bukti 5**.

Secara keseluruhannya, UiTMCNS telah berjaya menjana pendapatan yang disasarkan berdasarkan dua program yang telah dijalankan bagi tahun 2021. Kejayaan ini adalah berdasarkan kepada petunjuk prestasi perancangan strategik UiTMCNS 2021. Pencapaian hasil 100% bagi dua program yang dirancang berjaya dilaksanakan melalui pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan organisasi secara menyeluruh dengan komitmen dari semua warga UiTMCNS. Seterusnya, salah satu punca yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah pengurusan sumber manusia yang cekap. Pengurusan sumber manusia akan dijelaskan secara terperinci dalam kriteria yang seterusnya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0057_A01_AB05_20221_UITMCNS_4.5.1 - BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0057_A01_AB05_20222_UITMCNS_4.5.2 - BUKTI 2-latest.pdf](#)
3. [K0057_A01_AB05_20223_UITMCNS_4.5.3 - BUKTI 3.pdf](#)
4. [K0057_A01_AB05_20224_UITMCNS_4.5.4 BUKTI 4-latest.pdf](#)
5. [K0057_A01_AB05_20225_UITMCNS_4.5.5 BUKTI 5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCNS memberi tumpuan kepada sumber manusia organisasi secara menyeluruh ke arah pembentukan sumber manusia yang mampan. Pendekatan slogan ***Choosing to be Different*** adalah berpandukan kepada model PDCA iaitu “Plan”, “Do”, “Check”, dan “Act”. Pengurusan UiTMCNS telah merancang dan melaksanakan pengurusan sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan iaitu dalam bidang Pengurusan Kewangan selaras dengan PI UiTMCNS. Penglibatan kakitangan yang terdiri daripada pihak akademik dan pihak pentadbiran amat dititikberatkan oleh pengurusan UiTMCNS bagi merealisasikan aktiviti penjaanaan pendapatan dalam memastikan pengurusan kewangan mencapai matlamat.

Choosing to be Different memperkenalkan kaedah pengurusan sumber manusia secara efisien yang dapat menjayakan bidang tumpuan pilihan iaitu Pengurusan Kewangan mengikut model PDCA yang dinyatakan. Proses pertama (Plan) meliputi pendekatan lima kaedah yang dikenalpasti iaitu, **Kaedah 1: Pembentukan Jawatankuasa Penjaanaan Pendapatan; Kaedah 2: Pemetaan Projek; Kaedah 3: Penyenaaraan Projek dan Pegawai Bertanggungjawab; Kaedah 4: Inovasi Kepimpinan dan Kaedah 5: Inovasi Projek Utama** Penghargaan dan Pengiktirafan adalah dengan memfokuskan kepada dua kluster iaitu **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS**. Proses kedua (Do) iaitu Perluasan di peringkat UiTMCNS, UiTM dan Malaysia dengan mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan pengurusan kewangan yang cemerlang. Ini diikuti oleh proses ketiga (Check) iaitu Pembelajaran yang menekankan tahap kepuasan pelanggan dan aduan sumber manusia UiTMCNS terhadap persekitaran dan sistem kerja. Ia dilihat kepada aduan melalui e-aduan, media sosial dan aplikasi *whatsapp*. Seterusnya, penjelasan berkaitan latihan kepada pembangunan staf juga dititik-beratkan. Risiko dikenalpasti dan dikaji semula serta perancangan pelan tindakan risiko diberi perhatian bagi tujuan penambahbaikan. Proses terakhir iaitu proses integrasi (Act) dipaparkan dengan pembudayaan AKRAB 2021, Majlis Hari Inovasi 2021 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021. Pembudayaan ini secara keseluruhannya jelas menunjukkan keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan yang dipilih iaitu Pengurusan Kewangan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS dianggotai oleh 296 orang (43.02%) staf pentadbiran dan 423 orang (56.98%) staf akademik yang merupakan aset penting cawangan. Pengurusan sumber manusia UiTMCNS adalah dengan memastikan kepakaran dan pengalaman staf dioptimumkan sepenuhnya.

5.2.1 Kaedah Pengurusan Sumber Manusia

Lima kaedah pengurusan sumber manusia seperti berikut:

1: Pembentukan Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan (Rajah 5.2.1.1-Bukti 1)

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) UiTMCNS, Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan UiTMCNS, Jawatankuasa Ruang Niaga UiTMCNS dan Task Force Penjanaan Pendapatan Kampus.

2: Pemetaan Projek (Rajah 5.2.1.2-Bukti 1)

Pemetaan Projek berdasarkan Strategic Action Plan 2021.

3: Penyenaian Projek dan Pegawai Bertanggungjawab (Rajah 5.2.1.3.1 dan Rajah 5.2.1.3.2-Bukti 1)

Senarai projek dan objektif adalah selaras dengan PI UiTMCNS. Pegawai yang bertanggungjawab merangkumi bahagian, unit dan fakulti UiTMCNS.

4: Inovasi Kepimpinan (Rajah 5.2.1.4-Bukti 1)

Pengurusan UiTMCNS menetapkan inovasi kepimpinan bagi bidang tujuhan: Pengurusan Kewangan dengan menggunakan slogan *Choosing to be Different*. Bagi merealisasikan inovasi ini, dua kategori penjanaan pendapatan diberi fokus utama: **RENT@UiTMCNS** dan **TRAIN@UiTMCNS**.

5: Inovasi Projek Utama

A) RENT@UiTMCNS (Rajah 5.2.1.5.1-Bukti 1)

RENT@UiTMCNS diinovasi mengikut kampus menjadi Rent2U@Pilah, Rent2U@Seremban dan Rent2U@Rembau. Jawatankuasa Pendapatan UiTMCNS dipengerusikan oleh Profesor Dr Yamin Yasin, Rektor. Ahli adalah Penolong Rektor, Timbalan Bendahari, Penolong Bendahari, Pengurus Asrama Kanan, Jurutera Kanan, Koordinator Komunikasi Korporat dan Penolong Akauntan. Contoh Rent2U@Rembau UiTMCNS mengenalpasti bahagian, unit dan fakulti yang sesuai mengendalikan fokus sewaan seperti ruangan studio dan peralatan penggambaran, dewan, ruang niaga dan ruang penginapan di kolej kediaman. Rent2U@Rembau sewaan studio diletakkan di Unit Peralatan Khas FKPM UiTM Kampus Rembau.

B) TRAIN@UiTMCNS (Rajah 5.2.1.5.2-Bukti 2)

TRAIN@UiTMCNS merupakan gabungan TRAIN@NS dan EXCEL@NS. Pengurusan sumber manusia melibatkan keseluruhan UiTMCNS bagi aktiviti Pengacaraan Era Digital (PED), 1st International Conference on Education, Innovation and Adat Perpatih (ICEIAP) 2021, Negeri

ICEIAP 2021 meliputi pembentukan Jawatankuasa Induk terdiri daripada IPGKRM, Negeri Sembilan dan rakan-rakan kolaboratif iaitu UiTMCNS, USIM, UNAND Indonesia, Universiti Rajabhat Thailand, LMNS dan JPNS. 50 staf UiTMCNS dilantik dalam Jawatankuasa.

Aktiviti penjaanaan pendapatan melalui 2 Fasa. Fasa 1 menggunakan *Big Picture Plan* dengan mensasarkan *Targeted Income 2021* sebanyak RM500,000 (Rajah 5.2.1.5.3-**Bukti 2**). Fasa 2 meningkatkan aktiviti penjaanaan pendapatan sebanyak RM804,307.62 (Disember 2021) (Rajah 5.2.1.5.4-**Bukti 2**).

TRAIN@UiTMCNS bagi ICEIAP 2021 merupakan program TANPA BIAYA HEA di mana yuran penyertaan bagi staf UiTMCNS dikecualikan kerana UiTMCNS merupakan rakan kolaboratif (Rajah 5.2.1.5.5-**Bukti 3**). Satu kumpulan penyelidik SIG-Synergy 3, UiTMCNS menerima anugerah artikel terbaik (Rajah 5.2.1.5.6-**Bukti 3**).

5.2.2 PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

5.2.2.1 RENT@UiTMCNS

Penghargaan dan pengiktirafan berupa surat pelantikan dan sijil Rent2U@Rembau menerusi sewaan studio melibatkan pelantikan pensyarah FKPM sebagai Penyelaras Peralatan Khas dan sukarelawan PPV UiTMCNS semasa penyewaan dewan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) (Rajah 5.2.2.1 -**Bukti 4**).

5.2.2.2 TRAIN@UiTMCNS

Surat pelantikan dan sijil penghargaan diberi kepada staf. Bagi ICEIAP 2021, Profesor Dr Yamin Yasin, Rektor, UiTMCNS Pengucaptama dan Penasihat, anugerah artikel terbaik SIG Synergy 3, UiTMCNS dan penghargaan UiTMCNS sebagai agensi kolaboratif. Jawatankuasa Induk dan ahli jawatankuasa dari UiTMCNS turut menerima sijil penghargaan sebagai pengiktirafan. ICEIAP 2021 turut dilancarkan menerusi platform *Melewar Channel Studio* (Rajah 5.2.2.2.1 hingga Rajah 5.2.2.2.4-**Bukti 4**). Penghargaan juga untuk Jawatankuasa Pengacaraan Era Digital (Rajah 5.2.2.2.5- **Bukti 4**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0057_S01_SB02_20221_UiTMCNS_5.2.1_PENDEKATAN_Kaedah Pengurusan Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0057_S01_SB02_20222_UiTMCNS_5.2.2_PENDEKATAN_Kaedah 5 - Inovasi Projek Utama.pdf](#)
3. [K0057_S01_SB02_20223_UiTMCNS_5.2.3_PENDEKATAN_Penghargaan dalam Bentuk Sijil.pdf](#)
4. [K0057_S01_SB02_20224_UiTMCNS_5.2.4_PENDEKATAN_Penghargaan dan Pengiktirafan Rent@UiTMCNS.pdf](#)
5. [K0057_S01_SB02_20225_UiTMCNS_5.2.5_PENDEKATAN_Penghargaan dan Pengiktirafan Train@UiTMCNS.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi merealisasikan usaha pemeraksanaan sumber manusia UiTMCNS, pihak pengurusan telah mengenal pasti prestasi, kecemerlangan dan kepakaran staf bagi menjayakan bidang tujuhan: Pengurusan Kewangan. Pengurusan UiTMCNS mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di peringkat UiTMCNS, UiTM dan Malaysia.

5.3.1 Peringkat UiTMCNS

5.3.1.1 Sesi Amanat Rektor 2021 (Rajah 5.3.1.1-Bukti 1)

Sesi Amanat Rektor 2021 secara maya disampaikan pada 23 Februari 2021 oleh YBhg. Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTMCNS dihadiri warga UiTMCNS. Sesi ini bertujuan memberi taklimat pencapaian UiTMCNS 2020 dan menyediakan halatuju UiTMCNS 2021 (Rajah 5.3.1.1-Bukti 1).

5.3.1.2 Sesi Perbincangan Sasaran KPI-PI 2021 BTU dan Pengurusan UiTMCNS

Sesi Perbincangan Sasaran KPI-PI 2021 BTU dan Pengurusan UiTMCNS disampaikan Pengarah BTU, Prof. Madya Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman dijalankan secara maya bersama Penyelaras dan Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik UiTMCNS. Sesi ini bertujuan membincangkan sasaran KPI-PI 2021 BTU (Rajah 5.3.1.2 -Bukti 1).

5.3.1.3 Mesyuarat Projek Inisiatif UiTMCNS

Mesyuarat Projek Inisiatif UiTMCNS dijalankan mengikut fasa yang ditetapkan oleh UiTMCNS. Ianya dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTMCNS. Mesyuarat ini merupakan perbincangan berkaitan data petunjuk prestasi (PI) - Projek Inisiatif Tahun 2021 UiTMCNS (Rajah 5.3.1.3-Bukti 1)

5.3.1.4 Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

